



Mutiara • buletin



www.buletinmutiara.com

1 – 15 MEI, 2018



<http://www.facebook.com/buletinmutiara>
<http://www.facebook.com/cmlimguaneng>

Fokus laksana 68 Janji Manifesto 'Saya ♥ Pulau Pinang' tiga keutamaan dalam 100 hari pertama

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

GEORGE TOWN - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berharap barisan Exco Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang baru, dalam tempoh penggal pentadbiran selama lima tahun ini, dapat menunaikan 68 janji pilihan raya dalam Manifesto 'Saya ♥ Pulau Pinang'.

"Lantikan 10 ahli sebagai Exco Kerajaan Negeri yang terdiri daripada ahli-ahli berpengalaman (dalam Kerajaan Negeri) dan lima muka baru, yang akan menyumbang kepada kemantapan dan kepelbagaian barisan pemimpin dalam pentadbiran kali ini.

"Cabaran bagi barisan Exco dalam penggal ini adalah untuk menunaikan 68 janji pilihan raya dalam Manifesto 'Saya ♥ Pulau Pinang'," katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Semua Exco Kerajaan Negeri serta Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus turut sertai sidang media tersebut.

Dalam perkembangan berkaitan, Kon Yeow yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong turut merakamkan penghargaan kepada bekas Ketua Menteri Pulau Pinang, Lim Guan Eng serta bekas Exco Kerajaan Negeri lain iaitu Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Dato' Abdul Malik Abul Kassim, Lim Hock Seng, Danny Law Heng Kiang atas sumbangan memakmurkan Pulau Pinang sebelum ini.

Sementara itu, dalam sidang media bertarikh 14 Mei lalu, Kon Yeow memberitahu bahawa pentadbirannya dalam 100 hari pertama akan memulakan proses rundingan dengan Kerajaan Persekutuan bagi mendapat kelulusan projek Pelan Induk Pengangkutan (TMP) Pulau Pinang, projek tebatan banjir dan program perumahan mampu milik rakyat.

Menurut beliau, pentadbirannya turut



BARISAN kepimpinan Kerajaan Negeri Pulau Pinang merakam gambar kenangan bersama-sama TYT Tun dan Toh Puan selepas selesainya istiadat angkat sumpah Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri di sini baru-baru ini.

memberi tumpuan bagi memastikan semua jabatan Kerajaan Negeri, pihak berkuasa tempatan (PBT) dan agensi Kerajaan Negeri memulakan pelaksanaan projek-projek yang telahpun diluluskan.

"Kita juga akan mengkaji dan menambah baik sistem penyampaian program-program Kerajaan Negeri demi memastikan rakyat dapat menikmati hasil pembangunan," jelasnya.

Mengulas lanjut, tambah Kon Yeow, TMP adalah terdiri oleh tiga projek utama iaitu projek jajaran transit aliran ringan

(LRT), *Penang Island Link* dan pelan tebus guna tanah di selatan pulau Pulau Pinang.

"(Pelan cadangan) LRT telah sedia dihantar kepada SPAD (Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat) sejak bulan Mac 2016.

"Secara peribadi akan saya buat susulan langsung daripada SPAD sendiri, inilah salah satu keutamaan saya sejak kita membuat permohonan (projek LRT) dua tahun lalu.

"Manakala, bagi *Penang Island Link*, masih belum lengkap semua kajian yang

diperlukan, masih tunggu untuk proses mohon kelulusan DEIA (kajian terperinci impak alam sekitar).

"Bagaimanapun, kami (Kerajaan Negeri) harap rakan pelaksana projek terus memberi tumpuan kepada kajian-kajian berwajib dan menghantar permohonan kepada Jabatan Alam Sekitar seperti yang dijadualkan," ujarnya sambil mengharapkan proses permohonan tiga komponen projek mega utama negeri berjalan lancar dalam tempoh 100 hari pentadbiran sebagaimana dinyatakan.

Chow Kon Yeow angkat sumpah sebagai Ketua Menteri Pulau Pinang Kelima



CHOW Kon Yeow mengangkat sumpah sebagai Ketua Menteri Pulau Pinang Kelima di Seri Mutiara, 14 Mei 2018.

GEORGE TOWN - Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota, Chow Kon Yeow mengangkat sumpah sebagai Ketua Menteri Pulau Pinang Kelima di Seri Mutiara pada 14 Mei 2018.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Tanjong merangkap Pengerusi Parti Tindakan Demokratik (DAP)

Pulau Pinang mengangkat sumpah di hadapan Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas di sini.

Majlis angkat sumpah tersebut turut dihadiri isteri beliau, Tan Lean Kee serta barisan kepimpinan negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang.

Mantan Ketua Menteri yang juga kini Menteri Kewangan, Lim Guan Eng turut hadir bersama-sama isteri, Betty Chew Gek Cheng.

Selain itu, Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus dan isteri serta Speaker Dewan Undangan Negeri, Dato' Law Choo Kiang serta isteri.

Terima kasih, sungguhpun saya akan jalankan tugas baru, Pulau Pinang akan terus di hati saya penuh dengan kenangan manis - Lim Guan Eng

"Tahniah kepada yang baru dan lama... pasukan yang dapat berganding bahu untuk mencapai yang terbaik.

"Terima kasih kerana memberi kerjasama yang baik, juga kepada Setiausaha Kerajaan Negeri atas kerjasama penuh yang diberikan.

"Bagi Kerajaan Pakatan Harapan yang baru, saya yakin apabila kita ke luar negara, kita akan rasa bangga untuk nyatakan bahawa kita adalah 'Rakyat Malaysia'.

"Saya akan sentiasa rindukan Pulau Pinang kerana di sini adalah permulaan saya. Rakyat Pulau Pinang berikan saya dan pasukan Pakatan Harapan peluang ini, dan ia telah membuka mata rakyat bahawa Barisan Nasional (BN) adalah bukan segala-segalanya.

"Saya memohon maaf jika ada lakukan kesilapan. Sekali lagi, terima kasih di atas kerjasama termasuk pihak yang sudi menjalankan 4P *partnership* dengan Kerajaan Negeri yang berjaya mentransformasikan Pulau Pinang.

"Dengan rendah diri... terima kasih... sungguhpun saya akan jalankan tugas baru, Pulau Pinang akan terus di hati saya. Walaupun berada di Putrajaya, saya akan balik, bak kata, *you can take me out of Penang, but you can't take Penang out of me*. Saya dan isteri agak keberatan untuk tinggalkan Pulau Pinang.

"Kini, Pulau Pinang telah bersih, hijau, sihat dan selamat. Saya akan jalankan tugas di tempat baru dengan kenangan yang manis.

"Marikan kita teruskan kerja dan perjuangan kita agar Pulau Pinang terus makmur dan adil kepada rakyat Pulau Pinang semua." - LIM GUAN ENG, mantan Ketua Menteri Pulau Pinang Keempat.

Law Choo Kiang Speaker DUN Pulau Pinang adalah pilihan PH, respons KM

GEORGE TOWN - Pakatan Harapan (PH) telahpun mengekalkan nama Dato' Law Choo Kiang sebagai Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang.

Mengulas lanjut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow bagaimanapun memberitahu bahawa nama Timbalan Speaker DUN akan ditentukan dalam persidangan Dewan kelak.

"Pakatan Harapan telahpun menamakan Dato' Law Choo Kiang sebagai Speaker DUN dalam penggal pentadbiran baru ini.

"Jika ada sebarang penamaan daripada pihak pembangkang lain, mereka boleh undi, namun inilah keputusan Pakatan Harapan menamakan Dato' Law Choo Kiang untuk menyambung tugasnya.

"Berhubung siapa Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, akan ditentukan pada waktu persidangan nanti," responsnya dalam sidang media di sini baru-baru ini.



Oleh: ME

10 anggota Exco Kerajaan Negeri Pulau Pinang angkat sumpah, tampil 5 muka baru

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

GEORGE TOWN - Seramai 10 anggota Exco Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengangkat sumpah jawatan, termasuk lima anggota baharu, di hadapan Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas dekat Dewan Sri Pinang di sini.

Lima anggota baharu ialah Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pinang Tunggal, Dato' Ir. Zakiyuddin Abdul Rahman; ADUN Batu Maung, Dato' Abdul Halim Hussain; ADUN Tanjung Bunga, Zairil Khir Johari; ADUN Bagan Jermal, Soon Lip Chee dan ADUN Paya Terubong, Yeoh Soon Hin.

Manakala ADUN Perai, Prof. Dr. P. Ramasamy

(Timbalan Ketua Menteri II merangkap Exco Perancangan Ekonomi Negeri, Pendidikan, Pembangunan Modal Insan dan Sains, Teknologi & Inovasi); ADUN Padang Lalang, Chong Eng (Exco Pembangunan Wanita & Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam); ADUN Datuk Keramat, Jagdeep Singh Deo (Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Perancangan Bandar & Desa); ADUN Sungai Puyu, Phee Boon Poh (Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar) dan ADUN Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin (Exco Kesihatan, Pertanian & Industri Asas Tani dan Pembangunan Luar Bandar) memperbaharui lafaz sumpah jawatan setelah dilantik semula menganggotai Exco Kerajaan Negeri bagi penggal

2018 - 2023.

Istiadat angkat sumpah turut dihadiri oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow dan isteri, Puan Tan Lean Kee.

Hadir sama, Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus dan isteri, Datin Seri Hamidah Mat Daud; Speaker Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, Dato' Law Choo Kiang dan isteri, Datin Teoh Hooi Tuang; Mufti Negeri, Sahibus Samahah Dato' Dr. Wan Salim Wan Mohd. Noor serta Ketua-ketua Jabatan daripada agensi negeri dan persekutuan.

Usai selesai istiadat angkat sumpah dan jamuan makan tengah hari, majlis penyerahan kereta rasmi Kerajaan Negeri kepada Exco-exco berwajib juga diadakan dan disempurnakan oleh Farizan.

Apa kata muka baru?

Zakiyuddin yang merupakan Timbalan Ketua Menteri I merangkap Exco Hal Ehwal Agama Islam, Pembangunan Industri dan Perhubungan Masyarakat ketika ditemui melafazkan kesyukuran dengan pelantikan beliau.

"Meskipun tanggungjawab yang diberikan adalah sesuatu yang baru buat saya, tetapi saya akan cuba sedayanya untuk membawa suatu perubahan baharu bukan sahaja kepada komuniti di Kepala Batas tetapi juga rakyat Pulau Pinang keseluruhannya," **TIMBALAN KETUA MENTERI I, DATO' IR. ZAKIYUDDIN ABDUL RAHMAN**

Bagi Exco Belia dan Sukan, beliau berhasrat untuk memperkasakan lagi peranan golongan belia di negeri ini termasuk mempelbagaikan program khusus untuk golongan sasar tersebut.

"Dalam aspek sukan pula, pastinya saya akan melihat untuk memperbanyakkan program-program sihat yang bukan sahaja melibatkan kanak-kanak dan ahli keluarga mereka tetapi juga warga emas," **EXCO BELIA DAN SUKAN, SOON LIP CHEE.**

EXCO PEMBANGUNAN PELANCONGAN DAN WARISAN, KEBUDAYAAN & KESENIAN, YEOH SOON HIN ketika diajukan soalan oleh pemberita memberitahu bahawa beliau sangat berterima kasih kepada pimpinan tertinggi negeri yang telah memberikan kepercayaan kepadanya.

"Pastinya ini merupakan tanggungjawab yang besar yang perlu dilaksanakan dalam memastikan industri pelancongan negeri terus berkembang mekar dan dikenali di persada dunia. Ini termasuklah dalam budaya, kesenian serta warisan negeri Pulau Pinang," jelasnya.

DATO' ABDUL HALIM HUSSAIN yang memegang jawatan sebagai **EXCO PERDAGANGAN DALAM NEGERI & ANTARABANGSA, HAL EHWAL PENGGUNAN**



(Dari kanan), **ZAIRIL Khir Johari**, **Ir. Zakiyuddin Abdul Rahman**, **Soon Lip Chee** dan **Yeoh Soon Hin**.

DAN PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN, percaya dengan teraju kepimpinan Pakatan Harapan, aspek berkaitan perdagangan dan pembangunan keusahawanan akan terus berkembang pesat.

Begitu juga **ZAIRIL KHIR JOHARI** yang dilantik sebagai **EXCO KERJA RAYA, UTILITI DAN TEBATAN BANJIR**, yakin bahawa Pulau Pinang akan terus menerajui kejayaan sama ada di peringkat nasional mahupun global.

"(Dan) pastinya saya akan memberikan yang terbaik dalam membantu rakyat Pulau Pinang kerana mereka (rakyat) telah memberi mandat yang besar untuk Pakatan Harapan terus menerajui negeri ini," katanya.



ABDUL Halim Hussain.



PHEE Boon Poh (kiri) ketika menerima watikah pelantikan sebagai Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar.



CHONG Eng sebagai Exco Pembangunan Wanita & Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam.



JAGDEEP Singh Deo sebagai Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Perancangan Bandar & Desa.



DR. Afif Bahardin mengangkat sumpah sebagai Exco Kesihatan, Pertanian & Industri Asas Tani dan Pembangunan Luar Bandar.



PROF. Dr. P. Ramasamy mengangkat sumpah sebagai Timbalan Ketua Menteri II merangkap Exco Perancangan Ekonomi Negeri, Pendidikan, Pembangunan Modal Insan dan Sains, Teknologi & Inovasi.

Pulau Pinang bangunkan perpustakaan digital Islam pertama dalam negara

GEORGE TOWN - Pulau Pinang bakal membangunkan sebuah perpustakaan digital Islam, Perpustakaan Digital Rahmatun Lil'Alamin pertama dalam negara awal tahun hadapan.

Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAIPP), Dato' Abdul Malik Abul Kassim berkata, idea mewujudkan sebuah perpustakaan digital berkonsepkan Islam dicetus oleh Yang di-Pertua Negeri (TYT) Tun Dr. Abdul Rahman Abbas.

"Tapak cadangan bagi pembangunan perpustakaan tersebut adalah sebuah bangunan sedia ada dalam pekarangan

Kompleks Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang di Jalan Scotland.

"Aspirasi utama membangunkannya adalah untuk mempertingkatkan pemahaman Islam dalam kalangan umat Islam dan bukan Islam, tidak kira sama ada di Pulau Pinang mahupun luar negeri.

"Keduanya, bagi menjalinkan hubungan silaturahim kekeluargaan melalui suasana pembelajaran yang harmoni, dan ketiganya adalah mempertingkatkan penguasaan pembacaan dan ilmu berkaitan Al-Quran.



RUPA bentuk bangunan dua tingkat bersebelahan Kompleks Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang yang bakal dibangunkan sebagai Perpustakaan Digital Rahmatun Lil'Alamin Pulau Pinang.

"InsyaAllah, bulan Ogos ini kita akan mengadakan pra perasmian sebelum dibuka secara rasmi kepada umum pada April tahun hadapan," ujarnya pada sidang media di sini 7 Mei lalu.

Hadir sama, Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus; Pengarah Jabatan Agama Islam Pulau Pinang (JAIPP), Dato' Szali Hussein; Ketua Hakim Syarie, YAA Mohamad Syakir Abdul Hamid; Timbalan Pengurus Besar Perbadanan Ketua Menteri

(CMI), S. Bharati dan perunding projek dari *BETA Architects*, Bee Eu.

Abdul Malik ketika ditemui turut memaklumkan bahawa perpustakaan tersebut berkemungkinan besar bakal menjadi perpustakaan seumpamanya yang pertama di dunia.

"Apabila siap kelak, ia akan dikenali sebagai perpustakaan digital Islam pertama di Malaysia, bahkan berkemungkinan besar di dunia.

"Kerja-kerja restorasi dan pemuliharaan serta penambahbaikan akan dimulakan segera dan sasaran pembukaan adalah pada suku pertama atau April 2019," katanya.

Berkeluasan 5,800 kaki persegi, bangunan dua tingkat tersebut akan dilengkapi dengan ruang bacaan, ruang mengaji, ruang kanak-kanak, ruang famili, kiub privasi, ruang bacaan wanita, bilik perbincangan, bilik mesyuarat, ruang alfresco dan kafe.



(Dari kiri), FARIZAN Darus, Abdul Malik Abul Kassim, Szali Hussein dan Mohamad Syakir Abdul Hamid pada sidang media pengumuman projek di sini baru-baru ini.

Rancangan tebatan banjir diteruskan - Kon Yeow

PADANG LALANG - Demi rakyat, Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang akan terus melaksanakan projek rancangan tebatan banjir (RTB) berskala kecil mengikut jadual.

Mantan Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir yang kini merupakan Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, Projek Tebatan Banjir Parit 4 yang mula dilaksanakan di sini bakal mengurangkan risiko banjir di sekitar Taman Desa Damai, Taman Seri Rambai, Taman Belimbing, Kebun Sireh, Kebun Nenas, Kampung Dock dan sebahagian kawasan Jalan Tembikai.

"Sebanyak RM16.1 juta peruntukan Kerajaan Negeri akan disalurkan bagi pelaksanaan Projek Tebatan Banjir Parit 4 yang mana kerja pembinaannya dijangka mengambil masa selama dua tahun (atau) 12 bulan.

"Tanpa mengira apa yang akan berlaku, kita (Kerajaan Negeri) akan teruskan juga projek ini," jelasnya pada majlis pelancaran projek tersebut di sini 3 April lalu.

Kata Kon Yeow, Kerajaan Negeri memperuntukkan RM150 juta untuk melaksanakan sembilan projek rancangan tebatan banjir, dan projek berkaitan adalah yang keempat diluncurkan di negeri ini.

Pusat Haemodialisis Zakat

Jumlah Peruntukan Tahunan Pengurusan Pusat Haemodialisis Zakat (PHZ) Sebanyak **RM 6 Juta**

SENARAI CAWANGAN-CAWANGAN PHZ

BAHAGIAN PERKHIDMATAN KESIHATAN
Bahagian Perkhidmatan Kesihatan Zakat Pulau Pinang, MAIPP
No. 503, Tingkat 11,
Jln Permatang Bharu,
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang

PHZ CAWANGAN BUTTERWORTH
Pusat Haemodialisis Zakat
Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, No. 22,
Lorong Kampung Gajah 1,
Jalan Kampung Gajah,
12200 Butterworth, Pulau Pinang

PHZ CAWANGAN BALIK PULAU
Pusat Haemodialisis Zakat
Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang,
No. 20, Taman Seri Genting,
11000 Balik Pulau, Pulau Pinang

PHZ CAWANGAN BUKIT MERTAJAM
Pusat Haemodialisis Zakat
Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang,
No. 23, Jalan Permatang Bharu,
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang

PHZ CAWANGAN HIBONG TEBAL
Pusat Haemodialisis Zakat
Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang,
No. 26, Jalan Jawi Jaya 1, Taman Jawi Jaya
14500 Sungai Jawi, Nibong Tebal,
Pulau Pinang

PHZ CAWANGAN GEORGETOWN
Pusat Haemodialisis Zakat
Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang,
Blk 21-1-11, Lohas Buchinidams,
10200 Georgetown, Pulau Pinang

PHZ CAWANGAN KEPALA BATAS
Pusat Haemodialisis Zakat
Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang,
Blk 2104, Wisma Syikh Abdullah Fakhri
Jalan Seritam, 12000 Kepala Batas,
Pulau Pinang

PHZ CAWANGAN TASEK GELUGOR
Pusat Haemodialisis Zakat
Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang,
No. 1 Jalan Maklun Awang,
13000 Tasek Gelugor,
Pulau Pinang

PHZ CAWANGAN BAYAN LEPAS
Pusat Haemodialisis Zakat
Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang,
No. 58, Jalan Sungai Teram 3,
11900 Bayan Lepas,
Pulau Pinang

ZAKAT PULAU PINANG
Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang
No. 4, Jalan Perda Selatan, Bandar Perda,
14000 Bukit Mertajam,
Tel : 04-549 8088 Faks: 04-530 6466

zakatpenang

Sekolah Kanak-kanak Terencat Akal Relau jangka siap awal tahun 2020

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU MOHD. RADZI**

PAYA TERUBONG – Sebuah bangunan baharu Sekolah Kanak-kanak Terencal Akal bakal dibina di Relau dengan kos RM6 juta yang dijangka siap sepenuhnya pada Januari 2020.

Mantan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, demi pembangunan kanak-kanak berkeperluan khas berkaitan, Kerajaan Negeri telah memberikan keutamaan terhadap permohonan daripada Persatuan Kanak-kanak Terencat Akal Pulau Pinang bagi mendapatkan sebidang tanah.

Katanya, untuk tujuan tersebut, wakil daripada Kerajaan Negeri telah menjalankan beberapa siri audit di sekolah sedia ada kini sebelum meluluskan sebidang tanah seluas 1.37 ekar bernilai RM18 juta dekat Relau untuk pembangunan baharu.

“Kegigihan ahli lembaga sekolah dan ditambah dengan kemurahan hati Tan Sri Alex Ooi (Pengerusi Eksekutif Ideal Group) untuk membina sekolah ini telah menjadikan mimpi untuk mempunyai sebuah sekolah kanak-kanak terencat akal yang lebih selesa sebagai kenyataan,” ujarnya pada Majlis Pecah Tanah Bangunan Baharu Sekolah Kanak-kanak Terencat Akal Pulau Pinang dekat Relau di sini 31 Mac lalu.

Hadir sama, Exco Hal Ehwal Agama,



MANTAN Ketua Menteri ketika meramahi guru-guru dan para pelajar-pelajar istimewa pada Majlis Pecah Tanah Bangunan Baharu Sekolah Kanak-kanak Terencat Akal Pulau Pinang dekat Relau di sini baru-baru ini.

Perdagangan Dalam Negeri & Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim dan Pengerusi Persatuan Kanak-kanak Terencat Akal Pulau Pinang, Datuk Teh Cheng-Lim.

Menurut Guan Eng, sekolah baharu dengan keluasan 28,000 kaki persegi tersebut bakal menempatkan sehingga 180 pelajar dengan kemudahan 15 bilik darjah, ruang komputer, bilik muzik, pusat kitar semula, dewan serbaguna dan taman permainan.

“Sekolah sedia ada kini yang terletak di Datuk Keramat hanya berkeupayaan menampung 85 pelajar di antara umur tujuh hingga 18 tahun dan 15 guru sahaja. “Diharap, apabila ia siap nanti,

sekolah ini akan membolehkan lebih ramai pelajar-pelajar khas mendapatkan pembelajaran yang lebih sempurna, dan mampu mencapai potensi diri daripada mengalami kecacatan perkembangan sepanjang hayat,” jelasnya.

Justeru, Guan Eng menyeru orang ramai dan syarikat-syarikat korporat supaya tampil menghulurkan derma bagi membolehkan anak-anak istimewa tersebut layak menerima pendidikan yang lebih baik.

“Pihak sekolah kini sedang berusaha mengumpul dana bagi menyediakan kelengkapan bilik darjah perkhidmatan guru untuk sesi permulaan akademik pada Januari 2020 nanti,” katanya lanjut.



SEKOLAH KANAK-KANAK TERENCAT AKAL, RELAU, PULAU PINANG

ILUSTRASI reka bentuk Sekolah Kanak-kanak Terencat Akal Pulau Pinang, Relau.

RM9.7 juta bina ‘Terusan Prangin Baru’ demi kurang risiko banjir

GEORGE TOWN - Projek pemajuan ‘Terusan Prangin Baru’ sepanjang 179 meter (m) yang dijadual siap pada 1 Februari tahun depan bakal mengurangkan risiko banjir kilat di sekitar pusat bandar dalam keluasan kira-kira 278.7 ekar.

Ketua Menteri yang sebelum ini merupakan Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow memberitahu, Kerajaan Negeri Pakatan Harapan melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) memperuntukkan RM9,738,611.14 dalam projek tebatan banjir itu.

“Terusan (Prangin) sedia ada sangat penting untuk sejarah George Town (Tapak Warisan Dunia UNESCO).

“Terusan sedia ada mungkin kita akan sambung seperti projek (peremajaan) di Sia Boey.

“Selepas ini, fungsi terusan sedia ada akan diambil alih oleh terusan baru ini...menjadi parit takungan air semasa hujan lebat,” jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota ketika melawat tapak pemajuan tersebut di sini baru-baru ini.

Hadir sama, ADUN Komtar, Teh Lai

Heng; mantan Ahli Parlimen Tanjong, Ng Wei Aik serta Ahli Majlis MBPP, Wong Yuce Harn.

Kon Yeow memberitahu, Kerajaan Negeri pada masa hadapan merancang membina platform bas pelancongan dan parkir teksi di atas tapak ‘Terusan Prangin Baru’ bertutup tersebut, selepas projek tersebut siap dalam jangka masa 15 bulan (sejak 1 Ogos tahun lalu).

Difahamkan, saiz kedua-dua ‘Terusan Prangin Baru’ berkaitan adalah lebih besar berbanding sedia ada, yang seakan muat dilalui sebuah kereta pacuan empat roda. Sistem saliran bandar tersebut seperti ‘box culvert’ berkembar dengan saiz 3.6m lebar dan 2.7m tinggi, bersebelahan pasar raya Prangin.

Fungsi utama ‘Terusan Prangin Baru’ adalah sebagai parit takungan air hujan dalam kawasan tadahan ke “Kolam Takungan S10” melibatkan sebahagian lokasi Jalan Pintal Tali, Lebu Cintra, Lebu Kimberly, Lebu Chulia, Lebu Muntri, Love Lane, Lebu Carnarvon, Lorong Prangin, Lebu Victoria, Jalan Phee Choon, Jalan Transfer dan Lebu Dickens.



CHOW Kon Yeow (dua dari kiri) meninjau tahap pemajuan ‘Terusan Prangin Baru’ di sini baru-baru ini.

Pulau Pinang sayang kepada anda semua, jangan lupa kembali berkhidmat

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

GEORGE TOWN - Pelajar yang cemerlang dalam bidang akademik mampu menjadi pelapis dan harapan negeri pada masa hadapan.

Mantan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, Kerajaan Negeri amat komited untuk menjadikannya sebagai pusat kecemerlangan ilmu pada masa hadapan.

"Tambah pula, Pulau Pinang tidak mempunyai sumber asli seperti balak, minyak dan gas...apa yang kita (Pulau Pinang) ada adalah modal insan.

"(Dan) di ambang Revolusi Industri 4.0 ini, kita semua perlu menguasainya, jika tidak pasti kita akan ketinggalan dan tidak mampu untuk *survive*.

"Oleh sebab itu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa memberi tumpuan terhadap dua aspek utama iaitu pendidikan STEM (sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik) di samping memperluaskan pengetahuan dalam bidang pengekodan,"



KENZON Yeoh (tengah) yang cacat penglihatan (buta) menerima sijil pengiktirafan pada Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang SPM Tahun 2017 Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

ucapnya pada Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Tahun 2017 Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Guan Eng dalam pada itu turut mengingatkan jasa dan pengorbanan ibu bapa serta guru.

"Janganlah kita lupa dalam meraikan kecemerlangan kita, jasa para ibu bapa dan guru yang selalu memberi galakan untuk kita terus maju jaya.

"(Dan) ingatlah bahawa Kerajaan Negeri juga menghargai pencapaian cemerlang anda. "Justeru, apabila tamat pengajian nanti,

jangan lupa kembali ke Pulau Pinang untuk berkhidmat kerana Pulau Pinang sayang sama anda semua," katanya yang turut menzahirkan penghargaan dan ucapan tahniah kepada 265 pelajar cemerlang SPM 2017.

Dalam majlis sama, turut menerima penghargaan adalah Pelajar Terbaik SPM, Ahmad Afif Badrol Hisham dari Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Al-Irshad yang memperoleh 11A+ serta lima pelajar istimewa yang menerima Anugerah Khas.

Mereka ialah Kenzon Yeoh dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Georgetown; Muhammad Aliff Fikrie Abu Bakar (SM Arab Tahfiz Pulau Pinang); Jayne Yee Kah Yan (SMK Convent Green Lane); Teoh Zhan Feng (SMK Georgetown) dan Teoh Kok Teo (SMK St. Xavier).

Maktab Rendah Sains MARA Kepala Batas; SMKA Al-Irshad dan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Jit Sin pula menerima Anugerah Pencapaian Sekolah Terbaik SPM 2017.

'Hero Zaidi' gadai nyawa terjun JK2PP selamatkan seorang wanita terima penghargaan



ZAIDI Salleh (depan sekali).

GEORGE TOWN - Keberanian dan tindakan pantas seorang polis bantuan yang sanggup menggadaikan nyawa terjun daripada Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (atau lebih dikenali sebagai Jambatan Kedua Pulau Pinang, JK2PP) setinggi 20 meter, menerima penghargaan daripada Ketua Menteri 'sementara', Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Zaidi Salleh, 52, terjun dari JK2PP demi menyelamatkan seorang wanita yang dipercayai hampir lemas pada 18 April lalu.

Beliau yang kini berkhidmat sebagai polis bantuan di bawah pihak konsesi Jambatan Kedua Sdn. Bhd. (JKSB) menerima wang tunai RM500 berserta sijil penghargaan yang disampaikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus pada sidang media di sini 20 April lalu.

Terdahulu, Guan Eng menzahirkan penghargaan dan berharap tindakan 'Hero Zaidi' menjadi contoh kepada generasi akan datang.

"Saya juga berharap akan lebih ramai lagi rakyat yang prihatin serta sanggup menggadaikan nyawa demi menyelamatkan mangsa.

"Hal ini menunjukkan bahawa orang di Pulau Pinang bukan sahaja cun, malah berani juga," ujarinya yang turut memuji kepantasan 'Hero Zaidi'.

Dalam pada itu, Pengurus Besar Kanan JKSB, Suhaimi Mohd. Jusoh turut berterima kasih kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Ketua Menteri kerana menghargai pengorbanan yang ditonjolkan.

"Sebagai petugas (di JK2PP) pastinya kami ingin memberi perkhidmatan yang terbaik dan cemerlang," katanya.

TUTM kini 'Tabung Usahawan Tani', sehingga usia 60 tahun layak pinjam - Exco



DR. Afif Bahardin (berkemeja biru, tengah) merakam gambar kenangan bersama-sama para penerima pada penganjuran Bengkel Plant Booster dan Kursus Pengurusan Perosak Bersepadu Projek Kelompok Sayur Kampung Pertama di sini baru-baru ini.

SEBERANG JAYA - Tabung Usahawan Tani Muda (TUTM) kini dikenali sebagai Tabung Usahawan Tani, dengan had umur layak meminjam diperluaskan sehingga 60 tahun.

Exco Kesihatan, Pertanian & Industri Asas Tani dan Pembangunan Luar Bandar, Dr. Afif Bahardin berkata, sebelum ini, tabung pinjaman mikro kredit tanpa riba tersebut ditawarkan kepada usahawan muda sehingga umur 40 tahun sahaja.

"Kini, had umur layak meminjam diperluaskan sehingga usia 60 tahun dengan kadar pinjaman maksimum adalah RM5,000 tanpa riba.

"Manakala, bagi usahawan muda berusia di bawah 40 tahun, layak meminjam maksimum RM6,000, iaitu kita (Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang) tambah RM1,000 berbanding hanya RM5,000 pinjaman maksimum di bawah Tabung Usahawan Tani Muda (TUTM) sebelum ini," ujarinya pada penganjuran Bengkel Plant Booster dan Kursus Pengurusan Perosak Bersepadu Projek Kelompok Sayur Kampung Pertama di Dewan Terbuka Sekolah Rendah Kebangsaan Cina (SRJKC) Seng Keow di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Afif yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya turut merakamkan penghargaan kepada Timbalan Pengarah Jabatan Pertanian Negeri, Shahbani Ismail atas penganjuran bengkel berkaitan yang membabitkan 50 peserta.

Bercakap kepada pemberita, Afif memberitahu bahawa Kerajaan Negeri melalui TUTM sebelum ini telah meluluskan pinjaman mikro kredit kepada 91 penerima, dengan kadar bayar balik pinjaman mencapai 82 peratus.

Pembangunan projek RMM Dua Residensi, Teluk Kumbar dilaksana ikut jadual - Exco

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

BAYAN LEPAS - Projek Perumahan Mampu Milik Dua Residensi dekat Teluk Kumbar kini sudah mencapai 76 peratus siap dan pembinaan 346 unit rumah adalah dilaksana mengikut jadual ditetapkan.

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata, secara umumnya, struktur bangunan telah siap sepenuhnya, hanya kerja-kerja *finishing* di dalam bangunan sedang dilaksanakan kini.

“Perkembangan projek ini mengikut jadual ditetapkan dan diharap ia mampu siap sepenuhnya pada bulan Ogos nanti,” ujarnya ketika mengadakan lawatan ringkas ke tapak projek bagi memantau pelaksanaan kerja-kerja rumah mampu milik (RMM) seliaan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) di sini baru-baru ini.

Hadir sama, wakil-wakil PDC, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

Menurut Jagdeep, daripada 18 projek RMM yang sedang dilaksanakan, satu daripadanya iaitu Bandar Cassia di Batu Kawan yang telah siap sepenuhnya dan kini sedang menunggu kelulusan strata.

“Di kawasan Seberang (Perai), iaitu projek RMM Bandar Cassia telah siap dan ia akan disusuli dengan projek ini (Dua Residensi) di bahagian pulau.

“Ini adalah bukti kukuh menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang sememangnya berusaha menyediakan RMM kepada rakyatnya sekaligus menangkis tuduhan jahat bahawa kita tidak membina RMM di Pulau Pinang,” tegasnya sambil menyatakan bahawa 18 projek tersebut adalah merangkumi 27,306 unit yang kini di pelbagai peringkat pemujaan.

Malah, menurut Jagdeep,



JAGDEEP Singh Deo (kanan) bergambar sambil berlatarbelakangkan salah satu projek perumahan pada lawatannya di sini baru-baru ini.

Kerajaan Negeri bersama-sama pihak swasta juga akan membangunkan sejumlah 75,361 unit kos rendah (KR), kos sederhana rendah (KSR) dan rumah mampu

milik.

“Sejumlah 25,555 unit telah dibina dan diserahkan kepada mereka yang layak memilikinya.

“Manakala, di dalam proses

pembinaan membabitkan 19,828 unit dan telah diluluskan untuk pembinaan (29,978) menjadikan keseluruhannya sebanyak 75,361 unit,” jelasnya.

Sumbangan mesin beras sebagai inisiatif tingkatkan pendapatan pesawah

INSENTIF
Cabaran
SISA MAKANAN

Adakah anda menguruskan sisa makanan anda?

HOTEL
INSTITUSI
KILANG

➔

Bagaimana anda menguruskannya?

- ☞ Mempunyai sistem pengurusan sisa makanan sendiri, atau
- ☞ menghantar kepada pihak ketiga untuk diproses

tidak ➔ **Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung**

PERMOHONAN INSENTIF

- Menerima **RM 1000** untuk setiap penyertaan
- Terhadap **10** pendaftar berkelayakan sahaja

TEMPOH PERMOHONAN:
1 APRIL - 30 OKTOBER 2018

*tertakluk kepada terma dan syarat

IMBAS KOD INI

☎ 04 250 3322 ☎ 016 517 7382 ✉ info@pgc.com.my

SEBERANG JAYA - Prihatin terhadap nasib pesawah yang semakin terbeban ekoran peningkatan kos sara hidup, Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Jabatan Pertanian Negeri telah menyumbangkan sebuah mesin beras untuk membantu meningkatkan pendapatan golongan berkaitan.

Exco Kesihatan, Pertanian & Industri Asas Tani dan Pembangunan Luar Bandar, Dr. Afif Bahardin berkata, dengan adanya mesin beras tersebut, para petani dapat memproses sendiri padi sehingga menjadi beras yang tersedia untuk dimasak selain menggalakkan budaya keusahawanan dalam kelompok pesawah padi.

“Ini adalah mesin beras pertama yang Kerajaan Negeri sediakan di Pulau Pinang dan pada tahun ini, Koperasi Kerjaya Permatang Nibong telah dipilih sebagai kawasan pertama yang akan menjayakan program pemrosesan beras sendiri ini.

“Konsep ini sebenarnya telah diguna pakai di beberapa negara seperti Jepun dan China yang mana komuniti setempat mengumpul dana dan menyediakan mesin ini,” ujarnya semasa merasmikan Hari Ladang Peringkat Kawasan Khidmat Seberang Perai Tengah (SPT) 1 bersama-sama Koperasi Kerjaya Permatang Nibong di Tapak Baru Koperasi Kerjaya Permatang Nibong di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Pengerusi Koperasi Kerjaya Permatang Nibong Pulau Pinang Berhad, Rosli Ishak; Pegawai Pertanian Daerah SPT, Mohd. Reduan Ahmad; pegawai Jabatan Pertanian Pulau Pinang; Ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) serta para pesawah.

Afif menjelaskan, sekiranya projek berkenaan berjaya dilaksanakan, maka Kerajaan Negeri akan menambah lagi bilangan mesin beras dalam kelompok-kelompok pertanian padi lain di negeri ini.

“Diharapkan dengan adanya mesin ini, pesawah di Permatang Nibong mampu menghasilkan beras sendiri untuk dipasarkan kepada umum,” jelasnya.

Selain itu, Afif memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri juga telah meluluskan peruntukan bagi Pembangunan Industri Tanaman Padi di Kawasan Padi Seberang Perai Tengah (SPT) sebanyak RM80,468.40 dalam bentuk input-input pertanian seperti racun serangga dan racun tikus.

“Sebagai makluman, padi merupakan tanaman memerlukan kawalan perosak bersepadu antara kelompok yang dilaksanakan bagi mencapai hasil optimum.

“Selain itu juga, semangat kekitaan dan kemasyarakatan dapat dipupuk apabila aktiviti ini dijalankan secara bersama-sama.” katanya.

Fasa 1 rejuvinasi Sia Boey simbol warisan George Town dipulihara

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **NUR AFIAH ZAINUDI**

GEORGE TOWN - Tapak pasar lama Sia Boey yang mempunyai nilai warisan sejarahnya tersendiri akan diremajakan semula dengan pelbagai kemudahan moden, sebagai kesinambungan terhadap langkah pemeliharaan dan pemuliharaan Warisan Dunia UNESCO George Town.

Mantan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng memberitahu, fasa pertama projek rejuvinasi itu yang menelan belanja kira-kira RM6 juta hanya melibatkan kerja-kerja pemuliharaan pasar lama Prangin serta menaik taraf landskap di tapak asal warisan di sini.

“Fasa pertama ini dijangka siap pada Ogos tahun ini (2018), selepas itu fasa dua projek pula untuk pemuliharaan rumah kedua dan menaik taraf landskap sekitar kawasan ini.

“Sia Boey yang ‘dihidupkan semula’ adalah selaras dengan penyenaaran Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town, selain untuk memberi nafas baru kepada sekitar kawasan Komtar (dalam) fasa lima, pasar raya *1st Avenue* dan pasar raya Prangin, ke arah menjadikan negeri ini sebagai pusat sosial budaya dan pusat perniagaan,” jelasnya.

Beliau yang juga mantan Exco



TERUSAN Sia Boey kini.

Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam berkata demikian pada Majlis Peluncuran Projek Rejuvinasi Sia Boey di sini 25 Mac lepas.

Hadir sama, mantan Timbalan Ketua Menteri I, Dato’ Mohd. Rashid Hasnon; Timbalan Ketua Menteri II, Prof. P. Ramasamy; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng; Pengurus Besar Perbadanan Warisan Dunia George Town (GTWHI), Dr. Ang Ming Chee dan Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Ar. Yew Tung

Seang.

Guan Eng memberitahu, serentak dengan majlis peluncuran projek rejuvinasi tersebut, suatu pameran awam mengenai konsep penaiktarafan akan dibuat secara terbuka selama dua minggu di sini.

Tambahnya, Sia Boey akan diremajakan semula sebagai taman bandar yang sarat dengan nilai warisan, yang sudah tentu akan menggigit kembali kenangan pengunjung pada Sia Boey dalam era 1850-an dengan pelbagai perayaan ritual seperti Festival Hantu Lapar dan sebagainya.



ILUSTRASI grafik Sia Boey yang siap dinaik taraf.

Laksana 10 projek impak tinggi tebatan banjir sejak 2008 demi kurang risiko bencana

BUKIT TENGAH - Rancangan Tebatan Banjir (RTB) di Parit 5, Taman Mangga dan Jalan Juru dekat Seberang Perai Tengah (SPT) merupakan antara 10 projek berimpak tinggi yang telah dirancang untuk dilaksanakan Kerajaan Negeri dalam tempoh 10 tahun pentadbirannya.

Mantan Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir yang kini merupakan Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, sejak 2008, Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang membelanjakan RM370 juta untuk projek-projek berkaitan tebatan banjir.

“Selain projek-projek berimpak tinggi ini, Kerajaan Negeri turut mengenal pasti beberapa projek tebatan banjir lain seperti di Jelutong yang menelan kos RM15 juta dan telah siap pada penghujung April 2018.

“(Dan) juga projek tebatan banjir di Parit 5, Taman Mangga di sini yang mana ia telah memulakan kerja sejak 7 April lalu,” ujarnya ketika mengadakan lawatan ke tapak berkaitan baru-baru ini.

Hadir sama, mantan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tengah, Ong Chin Wen; Ahli Parlimen Batu Kawan, P. Kasthuriraani; Pengarah Pengairan dan Saliran (JPS) Pulau Pinang, Mohd. Azmin Hussin; Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato’ Sr. Rozali Mohamad dan Setiausaha Perbandaran MPSP, Ir. Rosnani Mahmud.



CHOW Kon Yeow.

Dalam pada itu, Kon Yeow berharap projek tebatan banjir berimpak tinggi dilaksanakan mahupun yang dirancang oleh Kerajaan Negeri bersama-sama agensi berkaitan terutamanya JPS, dapat mengurangkan risiko banjir di kawasan tersebut.

“Saya yakin dan percaya, projek-projek ini dapat memberi kesan positif kepada penduduk di sini (Taman Mangga) dan kawasan sekitar seperti Taman Sentul, Taman Sentul Jaya serta Perkampungan Juru,” tambahnya.

Vaksin percuma elak penyakit FMD

BUKIT TENGAH - Kerajaan Negeri baru-baru ini mengagihkan 654 botol vaksin Penyakit Kuku dan Mulut (FMD) kepada 175 penternak babi berdaftar di negeri ini.

Mantan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tambun, Dato’ Law Choo Kiang memberitahu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang sejak tahun 2011 mengagihkan vaksin itu secara percuma, dan kali ini membabitkan kelulusan peruntukan sejumlah RM189,660.

“Di Malaysia, Pulau Pinang merupakan satu-satunya negeri yang memberikan vaksin FMD ini secara percuma.

“Pemberian vaksin secara percuma ini menunjukkan keprihatinan Kerajaan Negeri (Pakatan Harapan) untuk memastikan ternakan khinzir bebas daripada penyakit FMD, dengan cara penvaksinan FMD secara menyeluruh di semua ladang negeri ini,” jelasnya pada Majlis Pengagihan Vaksin Kepada Penternak Babi Pulau Pinang dekat Dataran Ibu Pejabat Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Negeri di sini 17 April lalu.

Choo Kiang berkata demikian ketika mewakili Exco 'sementara' Pertanian & Indutsri Asas, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin pada majlis penyampaian tahunan tersebut.

Hadir sama, Pengarah DVS Negeri, Dr. Anum Man; wakil Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri, Heng Chian Shein; wakil Persatuan Penternak Babi Pulau Pinang, Wong Kong Chew; Pengurus Pemasaran Agritech Enterprise Sdn. Bhd., Chew Kheng Hian dan Pengurus Pemasaran Babi dan Ayam Bohringer Ingelheim, Dr. Choo Li Chen.

Tiga juadah istimewa air tangan Chef Wan dekati warga Pulau Pinang

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**

Gambar : **FB MP BUKIT MERTAJAM**

MACHANG BUBOK - Penduduk di sekitar Bukit Mertajam cukup bertuah apabila berpeluang menikmati tiga juadah istimewa yang dimasak sendiri oleh cef selebriti terkenal Datuk Redzuawan Ismail atau lebih dikenali sebagai Chef Wan.

'Seafood paella', 'spicy tuna penne' dan 'ayam tuturuga' merupakan juadah istimewa yang dimasak sendiri oleh Chef Wan dalam sebuah program komuniti dinamakan 'Chef Wan: Mai To'Kun' di Hutan Lipur Bukit Mertajam di sini baru-baru ini.

Ketika ditemui, beliau berkata, program berkenaan adalah sebahagian daripada usaha beliau untuk mendekati warga Pulau Pinang terutamanya golongan ibu.

Menurut Chef Wan, bidang masakan juga mempunyai persamaan dunia politik yang mana hanya dengan memilih bahan-bahan berkualiti sahaja mampu menghasilkan masakan yang terbaik.

"Begitu juga dengan politik, hanya dengan melaksanakan dasar-dasar baik dan pemilihan pemimpin yang berkualiti

barulah negara kita akan maju," katanya sebagai respons celoteh bersama-sama dengan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Machang Bubok, Lee Khai Loon.

Hadir sama, Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong serta Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) setempat.

Selain demonstrasi masakan, turut diadakan adalah pertandingan menumbuk sambal, memotong bawang, pertandingan meniup belon untuk kanak-kanak dan lain-lain aktiviti kemasyarakatan yang menerima penyertaan menggalakkan.

Chef Wan yang bergandingan bersama-sama anaknya, Chef Nazri turut muncul dalam program yang dinamakan 'Membawang Bersama Chef Wan - Pedas Lagi Hangat' di Desiran Tanjung, Tanjung Tokong sehari sebelum itu.

Program anjuran #laparpo Production itu turut menampilkan ADUN Tanjung Bunga, Zairil Khir Johari.

Malah, mereka yang hadir pada hari itu turut berpeluang mendapatkan buku "Ada Aku Kesah?" hasil nukilan Chef Wan sendiri dengan potongan harga istimewa berserta tandatangan dan berswafoto sebagai kenang-kenangan.



STEVEN Sim Chee Keong (kiri sekali) dan Lee Khai Loon (kanan sekali) memerhatikan gelagat Chef Wan ketika menyiapkan salah satu menu masakannya pada penganjuran 'Chef Wan: Mai To'Kun' di Hutan Lipur Bukit Mertajam di sini baru-baru ini.

Lebih RM21 juta diperuntukan Kerajaan Negeri kepada golongan petani sejak 2013

SUNGAI ACHEH - Lebih RM21 juta diperuntukan oleh Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang bagi membantu golongan petani di negeri ini sejak tahun 2013, kata Exco Kesihatan, Pertanian & Industri Asas Tani dan Pembangunan Luar Bandar, Dr. Afif Bahardin.

Pada masa sama, jelas beliau, Kerajaan Negeri juga memperkenalkan skim pinjaman mikro kredit melalui Tabung Usahawan Tani Muda (TUTM) bagi menggalakkan golongan muda menyertai bidang pertanian.

"Tapi apabila kita lihat banyak permintaan daripada petani supaya had umur kelayakan pinjaman ini ditingkatkan kepada 60 tahun, maka Kerajaan Negeri bersetuju memberi pinjaman mikro kredit ini kepada mereka yang berusia 60 tahun tanpa faedah. "(Dan) untuk menggalakkan orang muda bawah 40 tahun meminjam, Kerajaan Negeri setuju untuk naikan pinjaman kepada RM6,000," ucapnya dalam Majlis Perasmian Hari Ladang Kelompok Padi Sungai Setar B dan Penyerahan Insentif Amalan Teknologi Pertanian di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Pertanian Negeri (JPN) Pulau Pinang, Rozaidi Abdur Rahman; Penolong Pegawai JPN, Mohd, Izaidin Misdi; ketua-ketua kelompok dan para petani.

Pada majlis itu, Afif turut menyampaikan insentif Amalan Teknologi Pertanian berbentuk racun rumpai dan racun serangga kepada kelompok-kelompok padi Sungai Aceh.

Dalam ucapannya juga, beliau turut menyeru kepada semua kelompok padi di



DR. Afif Bahardin (tiga dari kanan) pada Majlis Perasmian Hari Ladang Kelompok Padi Sungai Setar B dan Penyerahan Insentif Amalan Teknologi Pertanian di sini baru-baru ini.

kawasan berkenaan supaya bergerak lebih aktif melalui penganjuran pelbagai projek dan program agar hasil pertanian dapat ditingkatkan.

"Pegawai pertanian sangat memerlukan kerjasama dan muafakat daripada petani di dalam kelompok supaya pelbagai program Jabatan Pertanian dapat dilaksanakan berdasarkan kekuatan kelompok.

"Program-program dan projek ini mampu memberi kesan secara terus kepada peningkatan kualiti hasil padi yang menyumbang kepada peningkatan pendapatan serta kualiti hidup golongan petani.

"Bagi pihak Kerajaan Negeri, kami akan terus berada di samping para usahawan tani dan golongan sasar untuk menyalurkan khidmat sokongan dan insentif amalan teknologi yang diperlukan dengan lebih cekap serta berkesan demi memajukan sektor pertanian dan industri asas tani," ujar Afif.

Jangan buat janji baru jika yang dijanjikan sebelum ini belum ditepati – respons Exco

GEORGE TOWN - Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo menasihati pimpinan Barisan Nasional (BN) agar tidak membuat sebarang janji baharu sekiranya projek perumahan 9,999 unit yang dijanjikan pada Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU13) lalu masih belum ditepati.

Malah, beliau juga menasihati mereka (BN) lain agar tidak hanya pandai cakap sahaja, sebaliknya membuktikan bahawa mereka bersungguh-sungguh mahu membantu rakyat dalam menyediakan stok perumahan bagi kos rendah, sederhana rendah dan rumah mampu milik (RMM).

"Saya cabar pimpinan BN tunjuk mana RMM untuk rakyat Pulau Pinang. Kita sekarang ada dalam bangunan (projek RMM *The Rise*) dan hujung tahun ini projek ini akan siap.

"Sebelum ini BN cakap kita tak bina rumah, namun sejak tahun 2008, kita (Kerajaan Negeri) sediakan lebih 25,555 unit RMM, kos rendah dan sederhana rendah bagi rakyat Pulau Pinang. Lima kali ganda berbanding BN sediakan dari tahun 1999 hingga 2007," katanya ketika melakukan

lawatan kerja ke tapak Projek *The Rise* dekat Jalan SP Chelliah di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengarah Urusan Syarikat Pembinaan Zubicon Sdn. Bhd., Lim Beng Keong selaku pemaju dilantik melalui tender terbuka.

Jagdeep pada lawatan tersebut turut mengulangi bahawa Kerajaan Negeri kekal komited untuk mengekalkan harga siling rumah kos rendah pada harga RM42,000 dan kos sederhana rendah, RM72,500.

"Jika RM42,000 dan RM72,500 pun masih ramai rakyat yang tidak layak membuat pinjaman bank macam mana Kerajaan Pusat cadangkan rumah kos rendah boleh dinaikkan hingga RM60,000 dan kos sederhana rendah jadi RM100,00?"

"Justeru, Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang nekad mengekalkan harga bagi kedua-dua skim tersebut demi kemudahan rakyat," ujarnya.

Difahamkan, projek *The Rise* adalah merangkumi 770 unit rumah kos sederhana rendah serta 1,323 unit RMM dan kini 76 peratus siap mengikut jadual yang ditetapkan iaitu pada awal tahun 2019.



JAGDEEP Singh Deo bersama salah seorang wakil pemaju meneliti pelan di tapak projek *The Rise* pada sesi lawatannya di sini baru-baru ini.

Taman Poket Tepi Pantai jangka siap Disember

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

TANJUNG BUNGAH – Penduduk di sekitar kawasan Tanjung Bungah dan Tanjung Tokong bakal mempunyai sebuah lagi taman riadah dikenali, Taman Poket Tepi Laut atau *Seaside Pocket Park* menjelang Disember 2018.

Menurut mantan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, projek dekat tapak seluas dua ekar yang terletak di atas tanah kerajaan Jalan Tanjung Bungah itu akan menelan kos RM500,000.

“Visi reka bentuk Taman Poket Tepi Laut ini adalah untuk mewujudkan sebuah taman riadah tepi pantai dalam mempromosikan pembangunan mampan dan memberi akses kepada penduduk setempat menikmati keindahan alam semula jadi di sini.

“Taman poket ini dijangka akan mengambil masa sehingga 16 minggu untuk siap dengan dijangka siap menjelang Disember ini.

“(Dan) Perbadanan Ketua Menteri (CMI) akan menguruskan projek ini, manakala *BETA Architect* telah dilantik sebagai perunding projek dalam menyediakan konsep dan reka bentuk,” ucapnya pada Majlis Pelancaran Projek Taman Poket Tepi Laut di sini baru-baru ini.

Hadir sama, barisan Exco Kerajaan Negeri dan Timbalan Pengurus Besar CMI, S. Bharathi.

Terletak bersebelahan Lot 4658, Jalan Tanjung Bungah, taman poket berkenaan mengambil aspirasi taman semula jadi yang membolehkan pengunjung menikmati alam semula jadi di samping menghubungkan manusia dengan alam sekeliling.

Apabila siap kelak, taman ini akan dilengkapi dengan laluan pejalan kaki, dek rehat dan landskap yang menyegarkan.



MANTAN Ketua Menteri memerhatikan lakaran grafik Taman Poket Tepi Pantai yang dipamerkan bersempena majlis pelancarannya di sini baru-baru ini.

Pasar Bayan Baru sebagai pasar digital pertama

BAYAN BARU – Kompleks Pasar Awam Bayan Baru di sini dipilih sebagai pasar digital pertama di wilayah utara, umum Exco Kesihatan, Pertanian & Industri Asas Tani dan Pembangunan Luar Bandar, Dr. Afif Bahardin.

Menurutnya, inisiatif terbaru itu adalah kerjasama antara Kerajaan Negeri dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) bersama-sama dengan sektor swasta iaitu PasarTap.

“Ini menandakan era baru bagi kerjasama antara Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan *PasarTap.com* ke arah perniagaan digital.

“Pasar Awam Bayan Baru dipilih kerana ia mempunyai potensi cukup besar bukan sahaja kerana kawasannya yang luas, malah peniaga di sini juga ramai dan mempunyai penduduk padat yang mana majoritinya adalah golongan bekerja,” jelasnya pada

Majlis Pelancaran Pasar Digital Ke Arah Bandar Antarabangsa di sini 28 Mac lalu.

Turut berucap, mantan Timbalan Ketua Menteri I, Dato’ Mohd. Rashid Hasnon.

Mengulas lanjut, menurut Afif, inisiatif tersebut juga merupakan platform yang sangat baik dan mampu memberi manfaat kepada pengguna serta peniaga di kawasan berkenaan.

“Dengan adanya PasarTap ini, ia secara tidak langsung akan memudahkan para pengguna antaranya, mengurangkan kos perbelanjaan petrol dan mengatasi masalah parkir. Ini kerana pengguna boleh membeli barangan keperluan tanpa perlu ke pasar, sebaliknya hanya perlu memesan melalui laman sesawang iaitu *PasarTap.com*.

“Selain itu, ia juga dapat meningkatkan potensi perniagaan kerana bilangan pelanggan akan bertambah melalui platform

ini,” katanya.

Dalam pada itu, Ketua Pegawai Operasi *PasarTap.com*, Hafsham Harasid berkata, pasaran digital adalah konsep baru dalam pemasaran dan platform yang baik untuk melakukan pembelian menggunakan komputer atau telefon pintar.

“Melalui perkhidmatan ini, penghantaran pesanan ke rumah biasanya akan mengambil

masa 3 jam selepas tempahan dibuat dan caj penghantaran adalah bergantung kepada ejen terpilih.

“Kami berharap 23 peniaga yang menyertai platform ini mampu bergerak sering dengan syarikat kami untuk memberi perkhidmatan kepada pelanggan di kawasan Bayan Baru, Jelutong dan George Town,” ujarnya.



DR. Afif Bahardin (tiga dari kiri) dan **Mohd. Rashid Hasnon** (tiga dari kanan) pada Majlis Pelancaran Pasar Digital Ke Arah Bandar Antarabangsa di sini baru-baru ini.

PROJEK

PEJABAT HIJAU PULAU PINANG

Arjuran dengan Kerjasama PBA

KRITERIA PEJABAT HIJAU PULAU PINANG

Pembelian Kelengkapan Pejabat & Alat Tulis -Prinsip Hijau	Kawalan Penggunaan Kertas
Pengurangan Bahan Buangan & Kitar Semula	Kawalan Alatan Pencetak
Konservasi Tenaga	Penambahbaikan Kualiti Udara
Konservasi Air	Penglibatan Pekerja & Komuniti

RM 670 (Fi Admin+Fi Audit)
*20 slot percuma bagi pejabat Kerajaan Persekutuan di Pulau Pinang

Tertakluk kepada terma dan syarat

DAFTAR SEKARANG!

IMBAS

www.pgc.com.my /pgo 04 250 3322 info@pgc.com.my

Pulau Pinang tempa nama dalam *Guinness World Record* sempena PIFF '18

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI & SUNARTI YUSOFF**

Gambar : **ARKIB BULETIN MUTIARA & PIFF**

BUKIT TAMBUN - Pulau Pinang memecahkan rekod dunia sekaligus memperbaharui rekod dalam *Guinness World Record* bagi 'Largest Food Truck Rally in the World' (atau Rali Kendera Saji Terbesar di Dunia) dalam penganjuran *Food Truck Invasion* (FTI) sempena penganjuran pesta makanan terbesar, *Penang International Food Festival 2018* (PIFF '18) pada 28 April lalu.

Sebanyak 158 kendera saji atau trak makanan dikira layak untuk memecahkan rekod terdahulu bagi kategori sama yang diadakan di Saitama, Jepun dengan 123 kendera saji mengambil bahagian.

Mantan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, penganjuran PIFF secara umumnya merupakan suatu pengiktirafan dan keraihan untuk meraikan 'pahlawan' makanan di Pulau Pinang.

"Pahlawan-pahlawan (tukang masak dan penjaja makanan) inilah yang menjadikan Pulau Pinang istimewa...yang membolehkan Pulau Pinang diiktiraf dengan pelbagai pencapaian.

"Antaranya, penyenaian Pulau Pinang dalam senarai *Culture Trip* sebagai '15 Bandar Syurga Makanan Terbaik di Dunia' dan penyenaian laksa asam dalam *CNN Travel's World's 50 Best Foods*."

"Silang budaya dalam penyediaan makanan membolehkan Pulau Pinang tertera dalam peta dunia kuliner yang membawa pelancong dari seluruh pelosok negara untuk merasai keenakan makanan di negeri ini," ujarnya pada pembukaan FTI di *Design Village Outlet Mall* dekat Batu Kawan di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif Penang Global Tourism (PGT), Ooi Chok Yan dan Setiausaha Perbandaran Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Ir. Rosnani Mahmod.

Ketika merasmikan pembukaan PIFF '18 dekat Lebuh Pantai pada 14 April lalu, Guan Eng berharap penganjurannya bukan sahaja memberikan impak positif kepada peniaga makanan dan minuman yang mengambil bahagian, malah juga memberi pengalaman yang tidak dapat dilupakan para pengunjung.

"Menerusi PIFF, saya yakin anda akan kembali ke Pulau Pinang untuk merasai keenakan makanan di negeri ini lagi," katanya yang turut meraikan 119 penjaja kecil yang



PANDANGAN dron pada penganjuran *Food Truck Invasion* baru-baru ini.

mengambil bahagian.

Difahamkan, Pulau Pinang menempa nama dalam *Guinness World Records* dua kali dalam tempoh tujuh bulan,

Kali pertama adalah pada *Penang Street Food Festival*, 2 September 2017 melalui 'The Most Costume Change in One Minute' oleh Avery Chin dan Sylvia Lim, dua individu berbakat besar yang berjaya menukar 24 pasang baju dalam masa seminit. Dan kali kedua melalui FTI yang mana kedua-duanya ditempa di Seberang Perai.

Sepanjang 16 hari penganjuran PIFF '18, lebih 700,000 penganjung dicatatkan bagi penganjuran tiga festival utama iaitu *Street Food Festival* pada 14-15 April, *Taste of Penang* (21-22 April) dan FTI (28-29 April).

Enam mini festival lain yang diadakan di bahagian pulau dan Seberang Perai turut mendapat sambutan lebih daripada 25,000 pengunjung, antaranya *Kopi 'O'*, *Thirsty Thursday*, *Meatless Monday*, *Mini Curry Festival*, *Crispy Fryday* dan *RM2 Mini Food Festival*.



PENGADIL *Guinness World Records*, Peter James Fairbain (dua dari kiri) menyampaikan sijil pengiktirafan 'Largest Food Truck Rally in the World' kepada Ooi Chok Yan (dua dari kanan).



KETUA Menteri dan barisan penganjur ketika menyempurnakan gimik pelancaran.



PERCIKAN bunga api pada majlis pelancaran PIFF '18.

Nama ADUN	No Tel/ No Faks	NAMA ADUN	No Tel/ No Faks	NAMA ADUN PEMBANGKANG	No Tel/ No Faks
N.26 PADANG KOTA YAB Chow Kon Yeow chowkoneyeow@penang.gov.my	(T) 04 - 226 0218 (F) 04 - 226 0218	N.33 AIR ITAM YB Joseph Ng Soon Siang	(T)	N.01 PENAGA YB Ustaz Yusni Mat Piah	(T)
N.03 PINANG TUNGGAL YB Dato' Ir. Zakiyuddin Abdul Rahman	(T)	N.35 BATU UBAN YB Kumaresan A/L Arumugam	(T)	N.04 PERMATANG BERANGAN YB Nor Hafizah Othman	(T)
N.16 PERAI YB Prof. Dr. P. Ramasamy ramasamy@penang.gov.my	(T) 04 - 383 9131 (F) 04 - 383 9131	N.36 PANTAI JEREJAK YB Dato' Saifuddin Nasution	(T)	N.05 SUNGAI DUA YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor	(T)
N.07 SUNGAI PUYU YB Phee Boon Poh pheeboonpoh@penang.gov.my pheeboonpoh@yahoo.com	(T) 04 - 262 0860 012 - 480 5495 (F) 04 - 261 8745	N.38 BAYAN LEPAS YB Azrul Mahathir Aziz ambasegania.aam@gmail.com	(T)	-	No Tel/ No Faks
N.10 SEBERANG JAYA YB Dr. Afif Bahardin	(T) 04 - 390 5109	N.39 PULAU BETONG YB Haji Mohd. Tuah Ismail	(T)	-	-
N.15 PADANG LALANG YB Chong Eng chong.eng@penang.gov.my	(T) 04 - 530 3028	N.40 TELUK BAHANG YB Zolkify Md. Lazim	(T)	-	-
N.29 DATO' KERAMAT YB Jagdeep Singh Deo jagdeepsinghdeo@penang.gov.my	(T) 04 - 226 2464 (F) 04 - 227 2464	DAP PENANG HQ dappg@streamyx.com	(T) 04 - 228 8482 (F) 04 - 228 8514	-	-
N.37 BATU MAUNG YB Dato' Haji Abdul Halim Hussain	(T)	PKR PENANG HQ	(T) 04 - 397 0115	-	-
N.08 BAGAN JERMAL YB Soon Lip Chee	(T)	-	(T)	-	-
N.22 TANJONG BUNGA YB Zairil Khir Johari	(T)	-	(T)	-	-
N.34 PAYA TERUBONG YB Yeoh Soon Hin	(T)	-	(T)	-	-
N.28 KOMTAR YB Teh Lai Heng komtar28@gmail.com	(T) 04 - 227 7068 (F) 04 - 227 7068	-	(T)	-	-
N.02 BERTAM YB Khaliq Mehtab Mohd. Isha	(T)	-	(T)	-	-
N.06 TELOK AYER TAWAR YB Mustafa Kamal	(T)	-	(T)	-	-
N.09 BAGAN DALAM YB Satees A/L Muniandy	(T)	-	(T)	-	-
N.11 PERMATANG PASIR YB Muhammad Faiz Bin Fadzil faizfadzilamanah@gmail.com	(T)	-	(T)	-	-
N.12 PENANTI YB Dr. Norlela Ariffin norlela.ariffin@gmail.com	(T) 04 - 538 2871 (F) 04 - 538 4871	-	(T)	-	-
N.13 BERAPIT YB Heng Lee Lee	(T)	-	(T)	-	-
N.14 MACHANG BUBOK YB Lee Khai Loon klee78@gmail.com	013 - 399 0519 (F) 04 - 551 1442	-	(T)	-	-
N.17 BUKIT TENGAH YB Gooi Hsiao-Leung	(T)	-	(T)	-	-
N.18 BUKIT TAMBUN YB Goh Choon Aik	(T)	-	(T)	-	-
N.19 JAWI YB H'ng Mooi Lye	(T)	-	(T)	-	-
N.20 SUNGAI BAKAP YB Dr. Amar Pritpal Abdullah	(T)	-	(T)	-	-
N.21 SUNGAI ACHEH YB Zulkifli Ibrahim	(T)	-	(T)	-	-
N.23 AIR PUTIH YB Lim Guan Eng limguaneng@penang.gov.my	(T) 04 - 829 0614	-	(T)	-	-
N.24 KEBUN BUNGA YB Jason Ong Khan Lee	(T)	-	(T)	-	-
N.25 PULAU TIKUS YB Lee Chun Kit	(T)	-	(T)	-	-
N.27 PENGKALAN KOTA YB Gooi Zi Sen	(T)	-	(T)	-	-
N.30 SUNGAI PINANG YB Lim Siew Khim dapsungaipinang@hotmail.com	(T) 04 - 282 6630	-	(T)	-	-
N.31 BATU LANCANG YB Ong Ah Teong	(T)	-	(T)	-	-
N.32 SERI DELIMA YB Syerleena Abdul Rashid	(T)	-	(T)	-	-

Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT	999	JPJ	04-656 4131
DIREKTORI TELEFON	103	JABATAN PENDAFTARAN	04-398 8809
OPERATOR ANTARABANGSA	101		04-226 5161
HOTLINE MBPP	04-263 7637	PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)	04-263 1166
ANGKATAN PERTAHANAN AWAM	04-228 9012	TOURISM MALAYSIA	04-261 0058
BIRO PENGADUAN AWAM	04-263 6893	KERETAPI BUKIT BENDERA	04-828 8880
SEKRETARIAT KERAJAAN	04-262 1957	FERI (GEORGETOWN)	04-210 2363
NEGERI		(BUTTERWORTH)	04-310 2377
KASTAM	04-262 2300	JAMBATAN PP	04-398 7419
IMIGRESEN	04-250 3419	STESEN KERETAPI BUTTERWORTH	04-261 0290
WCC (Women's Centre for Change)	04-228 0342	PERSATUAN PERLINDUNGAN	04-829 4046
Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang)	04-398 8340	KANAK-KANAK	
EPF	04-226 1000	CAP	04-829 9511
SOCSO	04-238 9888	BEFRIENDERS PENANG	04-281 5161
			04-281 1108
		PERPUSTAKAAN PP	04-229 8555

**PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS/OKU/IBU TUNGGAL/
PROGRAM ANAK EMAS/ PROGRAM RAKAN ANTI KEMISKINAN/ PROGRAM PELAJAR EMAS**

N1 Penaga	-	N22 Tanjung Bungah	-
N2 Bertam	-	N23 Air Putih	-
N3 Pinang Tunggai	-	N24 Kebun Bunga	-
N4 Permatang Berangan	-	N25 Pulau Tikus	-
N5 Sungai Dua	-	N26 Padang Kota	-
N6 Telok Air Tawar	-	N27 Pengkalan Kota	-
N7 Sungai Puyu	-	N28 KOMTAR	-
N8 Bagan Jermal	-	N29 Datok Keramat	-
N9 Bagan Dalam	-	N30 Sungai Pinang	-
N10 Seberang Jaya	-	N31 Batu Lancang	-
N11 Permatang Pasir	-	N32 Seri Delima	-
N12 Penanti	-	N33 Air Itam	-
N13 Berapit	-	N34 Paya Terubong	-
N14 Machang Bubok	-	N35 Batu Uban	-
N15 Padang Lalang	-	N36 Pantai Jerejak	-
N16 Perai	-	N37 Batu Maung	-
N17 Bukit Tengah	-	N38 Bayan Lepas	-
N18 Bukit Tambun	-	N39 Pulau Betong	-
N19 Jawi	-	N40 Telok Bahang	-
N20 Sungai Bakap	-		
N21 Sungai Aceh	-		

**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS
MPSP 2018**

Nama	Telefon
MPSP	04 - 549 7555
David Marshel a/l Pakianathan	019 - 412 3397
Heng Yeh Shiuan	016 - 261 2460
Kumar a/l Kanapathy	012 - 548 2465 019 - 658 2465
Mohamad Shaipol Ismail	019 - 414 6079
Tan Chee Teong	012 - 401 7718
Tan Cheong Heng	012 - 487 3101
Thomas Loh Wei Pheng	04-390 6836 012 - 409 6836
Woo Sze Zeng (Joshua)	016 - 557 6672
Mohd Sharmizan Mohamad Nor	011 - 1110 6456
Zaini Awang	019 - 546 3115
Ong Jing Cheng	016 - 445 5709 012 - 758 3779
Anuar Yusoff	04 - 507 5390 016 - 461 6390
Shuhada Abdul Rahim	010 - 380 7672
Dr. Seow Kweng Tian	04 - 593 5493 012 - 507 2229
Fadzil Hj Abdullah	017 - 343 4464
Zulkipli Ishak	013 - 431 6161
Dr. Tiun Ling Ta	04 - 505 7288 013 - 430 2096
Wong Chee Keet	012 - 451 1312
Hamizah Abdul Manab	013 - 591 6344
-	
-	
-	
-	
-	

SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

Bil.	Nama	Daerah	Pejabat / Unit Kewarganegaraan	No. Telefon
1.	Elemperu Valuthi	Timur Laut	Bilik Perkhidmatan Awam, Tingkat 3, KOMTAR.	04 - 650 5556 018 - 467 0037
2.	Abdul Rahim Mohamed Nor	Barat Daya	Kuarters Kerajaan Negeri No.1, Jalan Relau, Balik Pulau.	016 - 482 3549
3.	K. Krishnasamy	Seberang Perai Utara	Tingkat 1, Pejabat Daerah SPU, Bertam Kepala Batas.	012 - 488 1553
4.	P. Rachenamorthy	Seberang Perai Tengah	Pejabat Bangunan MPSP, Jalan Betek, Bukit Mertajam	019 - 457 2271
5.	Nakulan A/L Muthumanikam	Seberang Perai Selatan	Tingkat Dua, Kompleks Pejabat-Pejabat Kerajaan SPS, 14200, Jawi.	010 - 462 0073

Nota:
Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.

**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS
MBPP 2018**

Nama	Telefon
MBPP	04 - 259 2020
Ahmad Azrizal Tahir	012 - 498 4556
Ahmad Razaaim bin Azimi	012 - 572 4711 016 - 451 9225
Francis a/l Joseph	012 - 474 3321
Goh Choon Keong	019 - 471 7931
Gooi Seong Kin	016 - 457 1271
Teoh Koon Gee	016 - 419 1938
Harvindar a/l Darshan Singh	012 - 428 2250
Kala a/p Durai Raj	016 - 468 4247
Khoo Salma Nasution	017 - 456 6012
Mhd. Nasir Yahya	012 - 402 6739
Nur Zarina Zakaria	011 - 1578 5098
Saiful Azwan Abd Malik	016 - 463 2787
Shahrudin Mohamed Shariff	012 - 428 3160
Shung Yin Ni	012 - 413 9246
Tan Chiew Choon	019 - 470 4499
Wong Yuee Harn	016 - 439 9121
-	
-	
-	
-	
-	
-	
-	

**Kalendar Pelancongan
Pulau Pinang Mei 2018**



17hb Mei 2018
Awal Ramadan 1439H

SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA

Penulis:
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI, ZAINULFAQAR YAACOB,
NORSHAHIDA YUSOFF, WATAWA NATAF ZULKIFLI,
SUNARTI YUSOFF

Jurugambar/Juruvideo:
LAW SUUN TING, ALISSALA THIAN,
AHMAD ADIL MUHAMAD, DARWINA MOHD. DAUD,
ALVIE CHENG, NOOR SITI NABILAH NOORAZIS,
ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI, CHAN KOK KUAN

Jurugrafik: IDZHAM AHMAD, NUR AFIQAH ZAINUDI

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

Editor BULETIN MUTIARA,
Tingkat 47, Komtar, 10503 Penang
Telefon : 04-650 5468 ; Fax : 04-261 5923
Email: buletinmutiara.bpkn@gmail.com

Pulau Pinang 4 kali naik tarif air domestik adalah dakyah pembangkang, respons Guan Eng

Oleh : ZAINULFAQAR YAACOB

GEORGE TOWN - Kerajaan Negeri sejak 2008 tidak pernah menaikkan tarif air domestik sebanyak empat kali, sebagaimana didakwah pemimpin pembangkang Pulau Pinang baru-baru ini.

Mantan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng memberitahu, pentadbirannya sekali sahaja menaikkan tarif air domestik daripada 31 sen kepada 32 sen setiap 1,000 liter padu bagi 35,000 liter padu pertama.

“Mana ada naik (tarif air domestik) sampai empat kali, kita (Kerajaan Negeri) naik sekali sahaja, dari 31 sen kepada 32 sen.



**TARIF AIR DOMESTIK:
NEGERI MANA YANG MENAWARKAN
TARIF TERENDAH BAGI 35,000
LITER PERTAMA SETIAP BULAN?**



Tarif air domestik Pulau Pinang untuk 35,000 liter pertama setiap bulan adalah yang paling rendah di seluruh negara.




Sumber data: "Malaysia Water Industry Guide 2017"

PULAU Pinang mencatatkan tarif air terendah dalam negara.



**TARIF AIR DOMESTIK
PULAU PINANG:**

**BERAPA KENAIKAN DALAM TEMPOH
10 TAHUN BAGI 35,000 LITER PERTAMA
SETIAP BULAN?**



Pada tahun 2017, penggunaan air oleh 77% daripada 518,001 pengguna air domestik di Pulau Pinang tidak melebihi 35,000 liter sebulan.

Sumber data: PBAPP

KENAIKAN tarif air dalam tempoh 10 tahun.

Dakwa Kerajaan Negeri gagal bina rumah kos rendah, kempen BN tak ada *standard* – Jagdeep

GEORGE TOWN - Barisan Nasional (BN) disifatkan sebagai tidak ada *standard* apabila menggunakan fakta tidak tepat dan sahih berkaitan pembinaan rumah kos rendah dan Projek Perumahan Rakyat (PPR) di negeri ini dalam kempen pilihan raya parti itu.

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata, dakwaan BN bahawa tiada rumah kos rendah dibina oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang sejak tahun 2008 adalah jelas suatu pembohongan.

“Saya nak beritahu BN tolong jangan tipu rakyat. Kalau kamu (BN) nak buat sesuatu boleh, tapi jangan kata Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak buat.

“Faktanya jelas iaitu sejak tahun 2008 hingga kini, Kerajaan Negeri Pakatan telah menyediakan 25,555 unit rumah kos rendah dan sederhana rendah berbanding dengan pentadbiran BN sejak tahun 1999 hingga 2007 yang hanya membina 5,154 unit rumah.

“Selain itu, Kerajaan Negeri Pakatan juga sedang membina 20,000 unit rumah kos rendah dan sederhana rendah dan yang telah diluluskan untuk dibina pula sebanyak 30,000 unit menjadikan umlah keseluruhannya lebih 75,000 unit.

“Saya telah sebutkan perkara ini berulang kali, jadi bagaimana BN boleh menyatakan bahawa tiada rumah kos rendah dibina oleh Kerajaan Negeri? Itu berita palsu,” tegasnya dalam satu sidang media di sini 16 April lalu.

Jagdeep menjelaskan, sebagai wakil rakyat dan Exco Kerajaan Negeri, beliau mengalu-alukan kempen yang baik dan sihat demi rakyat, namun fakta-fakta yang dikemukakan haruslah tepat.

“Kamu (BN) boleh beritahu bagaimana kamu mahu mentadbir dengan lebih baik berbanding dengan kita (Kerajaan Negeri Pakatan), tapi janganlah turun sampai ke tahap sehingga sebut perkara yang langsung tidak betul.

“Saya profesional dan mereka (BN) juga perlu jadi profesional,” tegasnya.

Berhubung PPR pula Jagdeep memberitahu, tanggungjawab untuk membina rumah berkenaan adalah di bawah Kerajaan Persekutuan bukannya Kerajaan Negeri.

Malah menurutnya, perkara itu telah dipersetujui oleh mantan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Tan Sri Noh Omar sebelum ini dalam pertemuan yang turut disertai mantan Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng di Putrajaya pada tahun 2016.

“Saya tak faham bagaimana mereka (BN) boleh kata kita (Kerajaan Negeri) gagal bina PPR. Adakah BN tak tahu apa itu PPR?”

“PPR sepatutnya dibina oleh Kerajaan Persekutuan dan kita (Kerajaan Negeri) hanya sediakan tanah. Selepas bina mereka perlu serahkan rumah itu kepada Kerajaan Negeri dan kita akan selenggara.

“Kita dah buat apa yang kita perlu buat. Kita sediakan tanah dan beri cadangan tarikh untuk adakan lawatan tapak bagi projek PPR iaitu pada 6 Oktober 2017, tapi dengan 'sukacitanya' dia (KPKT) kata lawatan dibatalkan.

“Jadi mereka tidak boleh kata kita (Kerajaan Negeri) gagal bina PPR kerana merekalah yang gagal, kerana kita (Kerajaan Negeri) telah sediakan tanah tetapi mereka membatalkan lawatan mereka itu,” jelasnya.

Naik taraf kemudahan lif baharu buat penduduk Taman Pantai Tanjung

SUNGAI PINANG - Kerajaan Negeri memperuntukkan RM180,000 daripada Tabung Penyelenggaraan Maksimum 80 Peratus Pulau Pinang (TPM80PP) bagi menaik taraf sebuah kemudahan lif baharu dekat Taman Pantai Tanjung di sini.

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata, kerja-kerja menaik taraf projek tersebut telah selesai sepenuhnya pada Februari lalu.

“Kos ini adalah perkongsian secara bersama-sama dengan pihak Badan Pengurusan Bersama (JMB) kawasan terbabit yang mana Kerajaan Negeri menyumbang sebanyak RM144,000, manakala bakinya RM36,000 ditanggung badan berkaitan,” ujarnya ketika mengadakan lawatan ringkas ke kawasan berkenaan bagi meninjau kerja-kerja menaik taraf yang telah selesai dijalankan sebelumnya baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim dan mantan Ahli Parlimen Jelutong, Jeff Ooi Chuan Aun.

Dalam pada itu, dalam ucapannya, Jagdeep memberitahu bahawa sejak mengambil alih pentadbiran Kerajaan Negeri 10 tahun dahulu (2008 hingga 2018), hampir 150 permohonan menyelenggara perumahan telah diterima pihaknya.

“Ini termasuklah projek penggantian lif di sini hari ini... angka ini menunjukkan pencapaian lima kali ganda yang dilakukan Kerajaan Negeri Pakatan Harapan berbanding hanya 29 projek (sejak 2012) diluluskan di bawah Tabung



JAGDEEP Singh Deo (lima dari kiri) sambil ditemani Jeff Ooi Chuan Aun (lima dari kanan) dan Lim Siew Khim (empat dari kiri) bergambar kenangan bersama-sama sebahagian penduduk yang memegang sepanduk ucapan terima kasih selepas majlis perasmian lif baharu dekat Taman Pantai Tanjung di sini baru-baru ini.

Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M) sehingga kini.

“Kesemua permohonan (150) ini adalah membatalkan peruntukan RM21.5 juta,” jelasnya.

Institusi pendidikan Islam Pulau Pinang terima peruntukan tambahan, syiar Islam terus berkembang

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

PERMATANG PAUH - Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang baru-baru ini menyerahkan peruntukan tambahan berjumlah RM1.75 juta kepada institusi-institusi pendidikan Islam di negeri ini bagi tahun 2018.

Mantan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, dengan sumbangan tersebut, ia menjadikan jumlah keseluruhan peruntukan untuk institusi pendidikan Islam Pulau Pinang adalah sebanyak RM57 juta tidak termasuk kos pengambilan tanah untuk membina sekolah agama rakyat.

"Diharapkan sumbangan ini dapat membantu menambah baik pengurusan pentadbiran sekolah serta meningkatkan lagi kualiti pengajaran dan pembelajaran anak-anak kita.

"Saya juga berharap dengan bantuan ini pencapaian akademik dan kemahiran pelajar dapat dipertingkatkan dari semasa ke semasa," ujarnya pada Majlis Sumbangan kepada Sekolah Agama Rakyat (SAR), KAFA, Maahad Tahfiz, Sekolah Pondok dan TADIS dekat Guar Perahu di sini baru-baru ini.

Turut berucap, Dato' Abdul Malik Abul Kassim (mantan Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri & Hal Ehwal Pengguna); Dato' Mohd. Rashid Hasnon (mantan Timbalan Ketua Menteri I); mantan Ahli Parlimen Permatang Pauh, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail dan mantan



MANTAN Ketua Menteri, barisan kepimpinan, barisan guru besar dan guru-guru bergambar kenangan pada Majlis Sumbangan kepada SAR, KAFA, Maahad Tahfiz, Sekolah Pondok dan Tadris di sini baru-baru ini.

Ahli Parlimen Lembah Pantai, Nurul Izzah Anwar.

Hadir sama, Dr. Afif Bahardin (Exco Kesihatan, Pertanian & Industri Asas Tani dan Pembangunan Luar Bandar); Dato' Maktar Shapee (mantan Ahli Dewan Undangan Negeri, ADUN Sungai Bakap); Dato' Mansor Othman (Ahli Parlimen Nibong Tebal); barisan pengetua dan guru-guru.

Mengulas lanjut, Guan Eng berkata, Kerajaan Negeri juga bercadang untuk mempertimbangkan peruntukan tambahan sebanyak RM1 juta lagi membina sekolah

agama di kawasan yang dimenangi Pakatan Harapan.

Menurutnya, dalam tempoh 2008 hingga 2016, peruntukan hal ehwal agama Islam meningkat hampir 84 peratus kepada RM457.05 berbanding RM249.09 juta dalam tempoh yang sama iaitu 1999-2007.

"Kerajaan Negeri juga telah menaikkan peruntukan pembangunan sekolah-sekolah pendidikan Islam sebanyak RM57.64 juta sejak tahun 2008-2016 berbanding hanya RM20.11 juta oleh kerajaan BN (1999-2007)," ujar beliau.

Mengulas lanjut, Guan Eng memberitahu,

Kerajaan Negeri juga telah melabur sebanyak RM75 juta dalam usaha menjadikan Pulau Pinang sebagai pusat kecemerlangan bagi sains dan teknologi seperti *Tech Dome Penang*, *Penang Digital Library* (PDL) di bahagian pulau dan Seberang Perai, Kelas Vokasional Jerman yang terbaik di dunia serta *Penang Science Cluster* (PSC).

"Baru-baru ini, Kerajaan Negeri juga telah melabur sejumlah RM6 juta dalam tempoh tiga tahun akan datang kepada *Penang Science Cluster* (PSC) untuk membangunkan kemahiran pengkodan (*coding skills*) untuk pelajar muda kita di Pulau Pinang.

"Dijangka 80,000 pelajar akan memperoleh manfaat daripada kelas koding (*coding classes*) ini setiap tahun dan jumlah ini akan meningkat sehingga 120,000 pelajar menjelang tahun 2020," katanya.

Tambah Guan Eng, pada Februari 2016, Kerajaan Negeri juga telah membina sebuah bangunan baru di Sekolah Rendah Islam Maahad At-Tarbiyah Guar Jering di sini iaitu setinggi tiga tingkat dengan kos sebanyak RM1.3 juta.

"Ini membuktikan bahawa Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang tidak pernah meminggirkan hal ehwal agama Islam dan kita bukanlah Kerajaan anti-Islam seperti tohmahan serta fitnah jahat yang dilemparkan oleh sesetengah pihak.

"Malah, kita akan sentiasa membantu semua rakyat tanpa mengira bangsa serta agama kerana kita merupakan Kerajaan untuk semua dan Kerajaan yang berjiwa rakyat," ujarnya.

Projek Rumah Mampu Milik Suria 1 bukti Kerajaan Pakatan Harapan Pulau Pinang tepati janji

BUKIT TAMBUN

Penyerahan kunci kepada pemilik bagi Projek Perumahan Mampu Milik (RMM) Suria 1 dekat Bandar Cassia di sini membuktikan bahawa Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang adalah sebuah kerajaan yang menepati janji.

Mantan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, sehingga hari ini Kerajaan Negeri telah berjaya membina 24,000 unit rumah kos rendah dan sederhana rendah sejak mengambil alih pentadbiran negeri pada tahun 2008.

"Ini memperlihatkan perbezaan yang amat besar iaitu hanya 5,100 unit rumah mampu milik yang dibina Kerajaan terdahulu mulai tahun 1999 hingga 2007.

"Ia sekaligus menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri hari ini telah mengatasi Kerajaan terdahulu dengan membina lima kali ganda rumah mampu milik di negeri ini," ujarnya pada Majlis Penyerahan Kunci Projek Perumahan Mampu Milik (RMM) Suria 1, Hijau E-Komuniti di sini 7 April lalu.

Turut berucap, Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo yang menyifatkan projek RMM Suria 1 adalah bukti kejayaan Kerajaan Negeri dalam menyediakan



RUPA bentuk RMM Suria 1, Bandar Cassia, Batu Kawan.

perumahan mampu milik di negeri ini yang gagal dilaksanakan oleh Barisan Nasional (BN) sebelum ini.

Hadir sama, Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Dato' Seri Farizan Darus; Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan (PDC) Pulau Pinang, Datuk Rosli Jaafar; Ahli Parlimen Batu Kawan, P. Kasturiraani dan Pengurus Besar Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), Dato' Ir. Jaseni Maidinsu.

Mengulas lanjut, Guan Eng menjelaskan, lebih istimewa lagi adalah apabila majlis serahan kunci hari ini dilakukan bersama-sama dengan penyerahan hak milik strata kepada pembeli berkaitan.

"Usaha ini menjadikan projek Suria 1 adalah yang pertama di negeri ini, dan berkemungkinan pertama dalam negara



BARISAN kepimpinan Kerajaan Negeri dan para pemilik bergambar kenangan sejeurus Majlis Penyerahan Kunci Projek RMM Suria 1, Hijau E-Komuniti di sini baru-baru ini.

yang mana pembeli akan menerima kunci mereka bersama-sama dengan hak milik strata," jelasnya.

Mengulas lanjut, Guan Eng berkata, projek tersebut juga akan dilengkapi dengan pembangunan rapi di Batu Kawan termasuk pusat membeli-belah seperti IKEA dan *Design Village*, taman rekreasi, perubatan serta pendidikan dan banyak lagi yang dijangka akan meningkatkan nilai hartanah di kawasan berkenaan.

"Inilah juga yang membuktikan bahawa

Kerajaan Negeri hari ini adalah kerajaan untuk rakyat, demi rakyat dan bagi rakyat," ujarnya.

Sebagai rekod, RMM Suria 1 terdiri daripada 520 unit merangkumi tiga komponen iaitu 149 unit rumah kos sederhana berkeluasan 800kp berharga RM72,500; 98 unit kos sederhana rendah (900kp) berharga RM168,000 dan 273 unit kos sederhana (1000kp) berharga RM220,000.

Proses penyelenggaraan bagi projek berkenaan akan dilaksanakan PDC.



PARAMOUNT

UTROPOLISBATU KAWAN
PENANG

Selesa, dinamik dan berpotensi.

Terajui gaya hidup baharu di Utropolis Batu Kawan

SENSASI

© UTROPOLIS, BATU KAWAN, PENANG

Terletak strategik dengan laluan akses mudah ke KDU Penang University College.

Kemudahan lif dan eskalator ke setiap tingkat lot perniagaan.

Pelaburan unggul. Unit terhad.

SUASANA

© UTROPOLIS, BATU KAWAN, PENANG

Unit contoh sedia dikunjungi

Ruang yang luas dan selesa dari 926 kps hingga 1,313 kps.

Kediaman moden dengan kemudahan rekreasi yang komprehensif.

Temui kami di

Galeri Jualan Paramount Utropolis @ Design Village Outlet Mall (Lot G-25 & G-26)

PARAMOUNT PROPERTY (PW) SDN BHD (1057143-D)

55 Jalan Icon City, Icon City,
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang, Malaysia

fb.com/paramountpropertymalaysia

012-501 0733
paramountproperty.my

PARAMOUNT
PROPERTY

Sensasi • Pegangan Tanah: Pegangan Bebas • No. Lesen Pemaju: 14638-1/02-2019/0101 (L) • Tempoh Sah: 11/02/2017 – 10/02/2019 • Permit Iklan dan Jualan: 14638-1/02-2019/0101 (P) • Tempoh Sah: 11/02/2017 – 10/02/2019 • Pihak Berkuasa: Majlis Perbandaran Seberang Perai • No. Rujukan Pelan Bangunan: MPSP/40/20-73/42 • Bebanan tanah: CIMB Islamic Bank Berhad • Sekatan Kepentingan: Tanah yang dimilikinya ini tidak boleh dipindahmilik, dicagar, pajak, pajakan kecil atau sebarang bentuk urusiaga tanpa mendapat kebenaran Pihak Berkuasa Negeri terlebih dahulu • Kegunaan Bangunan: Pangsapuri Perkhidmatan • Tarikh Dijangka Siap: Mac 2020 • Bilangan unit: 612 units (keseluruhan) • Jenis A, Bilangan unit: 252, Luas binaan: 500 kps, 2 tempat letak kereta/unit, Harga min: RM337,150, Harga Mak: RM359,590 • Jenis B, Bilangan unit: 144, Luas binaan: 729 kps, 2 tempat letak kereta/unit, Harga min: RM487,630, Harga Mak: RM513,590 • Jenis C, Bilangan unit: 216, Luas binaan: 726 kps, 2 tempat letak kereta/unit, Harga min: RM485,650, Harga Mak: RM506,440 • Diskaun untuk Bumiputera: 5% • **Suasana** • Hakmilik Tanah: Pegangan Bebas • No. Lesen Pemaju: 14638-2/01-2020/61 (L) • Tempoh Sah: 17/01/2018 – 16/01/2020 • Permit Iklan dan Jualan: 14638-2/01-2020/61 (P) • Tempoh Sah: 17/01/2018 – 16/01/2020 • Pihak Berkuasa yang Meluluskan: Majlis Perbandaran Seberang Perai • No. Rujukan: MPSP/40/20-73/51 • Bebanan Tanah: Dikenakan Kepada CIMB Islamic Bank Berhad • Sekatan Ke Atas Kepentingan: Tanah ini tidak boleh dipindahkan, dipertanggungjawabkan, disewakan, sub-sewakan atau dilaksanakan sebarang urusan tanpa mendapat persetujuan terlebih dahulu daripada Pihak Berkuasa Negeri. • Jenis Hartanah: Pangsapuri Servis • Tarikh Dijangka Siap: Dec 2021 • Jumlah Unit: 491 • Jenis A, Jumlah Unit: 192 Luas Binaan: 926 Kaki Persegi, Harga Min.: RM575,000, Harga Mak.: RM642,275 • Jenis B, Jumlah Unit: 148 Luas Binaan: 1,076 Kaki Persegi, Harga Min.: RM667,460, Harga Mak.: RM856,635 • Jenis C, Jumlah Unit: 148 Luas Binaan: 1,313 Kaki Persegi, Harga Min.: RM785,220, Harga Mak.: RM964,160 • Jenis D, Jumlah Unit: 3 Luas Binaan: 926 Kaki Persegi, Harga Min.: RM742,555, Harga Mak.: RM769,235 • Diskaun Untuk Bumiputera: 5%

IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA



Open to all eligible Malaysian students**

2018 SCHOLARSHIP

for undergraduate studies in Malaysia



You may apply for either:

PENANG SCHOLAR

- Minimum CGPA 3.67
- Household income not more than RM15,000 per month

or

MUTIARA SCHOLAR

- Minimum CGPA 3.00
- Household income not more than RM5,000 per month

Sponsored Courses

MQA fully-accredited courses in Science*, Technology, Engineering, Mathematics (STEM), Accountancy and Finance. (*excludes Medicine)



Upon completion of study, the scholars are bound to work in Penang in any organisation of their choice.

Online Application Date

from **1 June 2018** to **21 June 2018**

Further Details

www.penangfuturefoundation.my

Contact Us

info@penangfuturefoundation.my

** TERMS AND CONDITIONS APPLY

MBPP pasang alat pengesan paras air di 10 kawasan risiko banjir

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **SHUM JIAN WEI**

DATUK KERAMAT – Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) kini telah siap memasang 10 alat pengesan paras air efisien di kawasan *hot spot* yang dikenal pasti berisiko banjir sebagai persiapan awal menghadapi bencana itu kelak.

Setiausaha Bandaraya, Ir. Addnan Mohd. Razali berkata, sistem itu dibangunkan selaras dengan perancangan Kerajaan Negeri dan MBPP untuk membangunkan Sistem Bandar Pintar di bahagian pulau mulai tahun ini.

Katanya, masalah banjir kilat yang berlaku ketika musim hujan adalah salah satu yang dititikberatkan, maka untuk mengatasi masalah tersebut, satu sistem peralatan telah dipasang dengan fungsi untuk mengesan paras air di dalam parit sebagai amaran awal.

“Ia akan berfungsi mengesan paras air di dalam parit supaya penghantaran maklumat, langkah berjaga-jaga dan tindakan dapat diambil dengan segera.

“Data-data yang dikumpul melalui sistem ini dapat membantu MBPP merangka



CHOW Kon Yeow (berkemeja putih) memerhatikan alat pengesan paras air efisien pada sesi lawatannya di sini baru-baru ini.

pelan-pelan tindakan jangka masa pendek dan panjang untuk menangani masalah banjir,” jelasnya pada sesi lawatan ke tapak pemasangan alat pengesan paras air efisien di hadapan Sekolah Menengah Abdullah Munshi di sini 19 April lalu.

Hadir sama, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir

yang kini merupakan Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow, Ahli-ahli Majlis MBPP, Ketua-ketua Jabatan MBPP dan wakil dari syarikat pengendali, Sophic Automation Sdn. Bhd. (Sophic).

Ketika ditanya berhubung bagaimana alat tersebut berfungsi, Addnan menjelaskan bahawa semasa hujan turun, sistem akan

memberi notifikasi ketinggian paras air di dalam longkang untuk tujuan pemantauan.

“Seterusnya amaran ini akan disalurkan kepada Hotline MBPP yang beroperasi 24 jam melalui Sistem Pesanan Ringkas (SMS) dan maklumat akan segera disampaikan kepada Skwad Pantas MBPP untuk tindakan selanjutnya,” ujarnya.

Dalam pada itu, menurut Kon Yeow, sistem pengesan paras air berkaitan merupakan sebahagian daripada Sistem Bandar Pintar yang sedang dibangunkan oleh syarikat Sophic yang telah dilantik oleh MBPP melalui tender terbuka.

“Teknologi yang akan diguna untuk melaksanakan projek ini adalah menggunakan (teknologi) IBM, dan ia akan dilaksanakan secara berperingkat untuk tempoh tiga tahun dari Disember 2017 sehingga 2020 dengan melibatkan kos sebanyak RM12 juta.

“Antara komponen yang terlibat untuk pelaksanaan Sistem Bandar Pintar tersebut adalah membangunkan sebuah pusat kawalan bagi dijadikan sebagai , (IOC) untuk pengumpulan data perancangan serta pemantau kerja-kerja MBPP dan analisis video,” ujarnya.



EDGE 360

- ◆ Pegangan Tanah - kekal
- ◆ Bukit Dumbar, Gelugor, Pulau Pinang
- ◆ 24 Tingkat Kondominium Eksekutif/
5 Unit Setingkat/Kepadatan Rendah
- ◆ 4 Bilik untuk Jenis A,B,E
- ◆ Di Tepi Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu
- ◆ Kemudahan - Gym, Kolam Renang, Perpustakaan dan lain-lain
- ◆ 5% Diskaun untuk Bumiputera

AMANVIDA DEVELOPMENT SDN BHD (1012177-X)
ALAMAT: UNIT 5-4-8 & 5-4-9, HUNZA COMPLEX, JALAN GANGSA,
GREENLANE HEIGHTS, 11600 PENANG.
TEL:04-6584100 / HP:012-691 4100

■ Lesen pemaju: 14036-1/10-2018/02587(L) ■ Tempoh sah laku: 12/10/2017 hingga 11/10/2018 ■ No. Permit iklan dan jualan: 14036-1/10-2018/02587(P) ■ Tempoh sah laku: 12/10/2017 hingga 11/10/2018 ■ Kelulusan pihak berkuasa: Majlis Perbandaran Pulau Pinang ■ Jenis Pengangan tanah: Kekal ■ Bebanan tanah: Ada ■ Tarik jangka siap Oktober 2017 ■ Jumlah unit: 76 ■ Harga jualan: RM200,000 (min) - RM2,074,600 (maks) ■ Sijil Kebenaran Merancang No: MPPP/OSC/(1944)/12 ■ No. Kelulusan Pelan Bangunan: MPPP/OSC/PB(6536)/14

B. Braun buka lima kemudahan pengeluaran perubatan baharu

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU MOHD. RADZI**

BAYAN LEPAS - Syarikat industri perubatan, *B. Braun Medical Industries* (B. Braun) secara rasminya membuka lima fasiliti pengeluaran dan bangunan pentadbiran baharu di Pulau Pinang baru-baru ini.

B. Braun yang mula bertapak sejak 1972 merupakan industri pengeluaran pertama produk penjagaan kesihatan global di rantau Asia Pasifik, dan telah melabur sejumlah RM4.75 bilion sehingga tahun 2018.

Mantan Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika hadir menyempurnakan majlis perasmian baru-baru ini turut merakamkan penghargaan kepada syarikat tersebut kerana bukan sekadar sumbangannya kepada ekonomi negeri yang

mengagumkan, malah B. Braun juga komited membangunkan modal insan.

“Penglibatan anda (B. Braun) dalam perkongsian awam, swasta, rakyat dan professional (4P) sangatlah bermakna kepada negeri ini terutamanya dalam meningkatkan inisiatif STEM (Sains, Kejuruteraan, Bahasa Inggeris dan Matematik).

“B. Braun adalah antara syarikat penaja perintis untuk Program Meister Malaysia pertama seumpamanya, yang mana mereka bekerjasama rapat bersama-sama PSDC (Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang) dalam menyediakan latihan kerja berbayar untuk pelajar-pelajar vokasional yang disokong melalui biasiswa disediakan Kerajaan Negeri dengan peruntukan RM 6 juta.

“Malah, tidak hanya di situ, B. Braun juga bercadang bagi pengambilan pelajar lebih besar tahun ini dengan memberikan



MANTAN Ketua Menteri ketika dibawa melawat salah satu bahan pameran pada Majlis Perasmian Lima Fasiliti Terbaharu B. Braun di sini baru-baru ini.

tumpuan kepada Automasi Mekatronik dan Elektronik,” ujarnya sambil memuji komitmen khas diberikan syarikat tersebut.

Hadir sama, Presiden B. Braun Asia Pasifik, Anna Maria Braun, Nikolaus Graff Lambsdorff (Duta Republik Persekutuan Jerman ke Malaysia), Dr. Elizabeth Anthony

(Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri Untuk Perkhidmatan Perubatan) dan Dato’ Loo Lee Lian (Ketua Pegawai Eksekutif investPenang).

Selain itu, menurut Guan Eng, B. Braun juga telah mewujudkan lebih daripada 3,000 peluang pekerjaan di negeri ini sejak

tahun 2009.

“Berdasarkan kepada bangunan dan kemudahan baharu ini, nampaknya mereka (B. Braun) bukan sahaja bersedia untuk melabur lebih banyak wang di tapak pengeluaran baharu, malah juga mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan untuk rakyat Pulau Pinang.

“Pada masa ini, B. Braun merupakan salah satu majikan tunggal terbesar di Pulau Pinang dengan lebih daripada 7,700 pekerja yang mana 99 peratus daripadanya adalah warganegara Malaysia,” jelasnya.

Bersempena majlis tersebut, Braun turut mewakili B. Braun menyampaikan sumbangan RM340,000 kepada *Mount Miriam Hospital* dan *Penang Mobile Clinic* sebagai sebahagian daripada program tanggungjawab sosial korporat (CSR) syarikat industri perubatan terbabit yang dikumpul melalui satu larian amal sebelum ini.

Pulau Pinang tawar diskaun sewaan 50% untuk usahawan IKS tempatan

GEORGE TOWN - Dalam memastikan kelangsungan pembangunan industri kecil dan sederhana (IKS) di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri meneruskan inisiatif dengan menawarkan diskaun sewaan sebanyak 50 peratus kepada golongan usahawan tempatan.

Diskaun 50 peratus itu akan ditawarkan kepada usahawan IKS tempatan bagi sewaan fasiliti di *Penang SME Centre* dekat Zon Perindustrian Bebas Bayan Lepas untuk enam bulan pertama dengan syarat tempoh sewaan dipersetujui antara 1 Januari 2018 sehingga 30 Jun 2018.

Mantan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika mengumumkannya memaklumkan bahawa inisiatif berkaitan hanya terhad kepada usahawan IKS tempatan sahaja, dan mereka yang layak dikehendaki menandatangani perjanjian sewaan untuk tiga tahun.

“Ia merupakan tawaran yang sangat menarik dengan mengambil kira bahawa kadar sewaan di *Penang SME Centre* telah disubsidikan dan bangunan tersebut dilengkapi dengan fasiliti bertaraf antarabangsa.

“Jadi, Kerajaan Negeri amat menggalakkan mereka (usahawan IKS tempatan) yang layak dan syarikat berminat boleh mengambil peluang ini untuk membangunkan atau mengembangkan lagi operasi

mereka di negeri ini.

“(Dan) tahniah kepada syarikat Togun (Togun Malaysia Sdn. Bhd.) dan LLeap (Leap Sdn. Bhd.) yang menjadi perintis menerima insentif ini,” ujarnya pada majlis menandatangani penyertaan sewaan antara PDC dan dua syarikat berkaitan di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengarah investPenang, Datuk Seri Lee Kah Choon; Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Dato’ Rosli Jaafar; Ketua Pegawai Eksekutif Togun, Tan Chee Yew dan Pengasas Bersama LLeap, M. Kumaravel.

Dalam pada itu, Guan Eng menyatakan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga menawarkan lain-lain insentif khas dan antara yang terbaik dalam negara khusus untuk memperkasakan IKS di negeri ini.

“Antaranya, penubuhan Pusat SMART (SME Market, Advisory, Resource and Training Centre), dana RM26 juta kepada Pusat-pusat SME dalam negeri dan menyediakan tanah seluas 150 ekar untuk pembangunan *SME Village* di Batu Kawan.

“Saya yakin, agensi-agensinya seperti *investPenang* dan PDC akan terus memainkan



(Duduk, dari kiri), ROSLI Jaafar, Tan Chew Yew dan M. Kumaravel menandatangani perjanjian penyertaan sewaan di *Penang SME Centre* pada majlis yang diadakan di sini baru-baru ini.

peranan untuk membantu dan menyediakan kemudahan kepada usahawan IKS serta industri yang menjadi ‘tulung belakang’ Pulau Pinang.

“(Dan) kedua-dua syarikat

perintis (Togun dan LLeap) dijangka akan menyumbang kira-kira RM6 juta nilai pelaburan bersama serta menawarkan 45 peluang pekerjaan,” katanya.

Togun Malaysia Sdn. Bhd.

adalah sebuah syarikat yang menghasilkan air minuman berhidrogen, manakala LLeap Sdn. Bhd. pula adalah syarikat IT yang menawarkan sistem *e-post* untuk jumlah dokumen tunggal besar.



• Perlukan Modal Tambahan? • Ingin..... Kembangkan Perniagaan? • Dapatkan Pinjaman Mikro Kredit PTSR Segera!!!

TANPA CAGARAN & PENJAMIN

PINJAMAN MIKRO KREDIT PROJEK TITIAN SAKSAMA RAKYAT (PTSR) NEGERI PULAU PINANG

SYARAT KELAYAKAN
• Warganegara Malaysia berumur antara 18-60 tahun • Bermiaga dan menetap di Pulau Pinang
• Mempunyai lesen perniagaan dan telah bermiaga sekurang-kurangnya 6 bulan

RM1,000 - RM6,000 (PINJAMAN PERTAMA)
TEMPOH BAYARAN BALIK 1 TAHUN
TANPA FAEDAH

MAKSIMA RM20,000 (PINJAMAN KALI KE-2, KE-3 & KE-4)
TEMPOH BAYARAN BALIK 2 TAHUN
8% FAEDAH SETAHUN

HUBUNGI: Unit PTSR, Bahagian Pembangunan Usahawan, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, Bangunan Tun Dr. Lim Chong Eu, No.1, Persiaran Mahsuri, Bandar Bayan Baru, Bayan Lepas, Pulau Pinang

Tel: 04-634 0111 (samb: 141/125/182/354/479) Faks: 04-642 6916

Buku 'Bergerak Ke Arah Sisa Sifar' didik masyarakat amalan kitar semula

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**

Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

SEBERANG JAYA - Pelbagai inisiatif dilaksanakan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) untuk mencapai matlamat kadar kitar semula sebanyak 70 peratus menjelang 2022.

Terbaru, MPSP dengan kerjasama Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) telah melancarkan sebuah buku 'Bergerak Ke Arah Sisa Sifar' yang boleh dijadikan sebagai bahan rujukan dan sumber inspirasi kepada masyarakat dalam menjaga alam sekitar.

Yang di-Pertuanya, Dato' Sr. Rozali Mohamud berkata, penerbitan buku itu diyakini dapat melahirkan masyarakat sihat dan peka terhadap isu-isu alam sekitar bagi diseimbangkan dengan perkembangan ekonomi serta pembangunan sosial.

"Buku ini amat sesuai dibaca oleh semua golongan masyarakat, dan ia adalah sangat mudah difahami kerana disertakan



SR. Rozali Mohamud (barisan depan, lima dari kiri) bergambar kenangan bersama-sama para peserta yang hadir ke Majlis Pelancaran Buku Bergerak Ke Arah Sisa Sifar di sini baru-baru ini.

dengan gambar serta pelakunya pula adalah penduduk dan pelajar sekolah di Seberang Perai.

"Malah, pengalaman saya sendiri dalam menggiatkan 'zero waste community' di Kampung Permatang Nibong di samping

pengalaman penggiat kitar semula oleh pegawai MPSP dan CAP turut diceritakan di dalam buku ini," ujarnya semasa melancarkan buku berkenaan di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Setiausaha Perbandaran

MPSP, Ir. Rosnani Mahmod; Timbalan Presiden CAP, Mohideen Abdul Kader; dan Ahli-ahli Majlis bagi MPSP.

Mengulas lanjut, kata Rozali, Seberang Perai telah berjaya meningkatkan kadar kitar semula iaitu daripada 22 peratus pada tahun 2008 kepada 43.25 peratus (2017), manakala kadar penghasilan sampah pula didapati berkurang daripada 1.6 kilogram (kg) sehari kepada 1.09kg dalam tempoh masa sama.

"Berdasarkan pencapaian tersebut, MPSP telah menetapkan sasaran untuk mencapai kadar kitar semula sebanyak 70 peratus dan berat sampah ke tapak pelupusan dikurangkan sehingga 50 peratus pada tahun 2022.

"Saya yakin sasaran ini boleh dicapai kerana penduduk Seberang Perai telah maju dalam segi pemikiran dan penjagaan alam sekitar.

"Oleh itu, kerjasama daripada semua komuniti di seluruh Pulau Pinang untuk memaksimumkan kadar kitar semula dan meminimumkan sisa lebih adalah amat dialu-alukan," serunya.

Insentif sebagai pendorong warga Pulau Pinang ke arah Pembangunan Mampan

Oleh : **AHMAD UZEIR AHMAD MURSHID.**

Eksekutif Program & Projek (Bahagian Anugerah & Insentif) Penang Green Council

SELARAS dengan matlamat pembangunan mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Kerajaan Negeri Pulau Pinang menggalakkan amalan-amalan lestari di kalangan pihak-pihak berkepentingan dengan memberikan insentif hijau. Bagi organisasi yang mempraktikkan amalan mesra alam, rebutlah peluang anda untuk menerima insentif hijau sekarang!

(1) Insentif sistem pengumpulan air hujan Pulau Pinang (Penang Rainwater Harvesting System Incentive (PRHI))

Hanya 6% daripada jumlah keluasan tanah di Pulau Pinang ditetapkan sebagai kawasan tadahan air, dan ia mampu menampung hanya 20% daripada bekalan air untuk kegunaan minuman di Pulau Pinang. Selain itu, kebergantungan Pulau Pinang pada sumber air mentah dari Sungai Muda di Kedah adalah tinggi. Oleh itu, isu jaminan ketersediaan air perlu ditangani dengan segera dan langkah-langkah penjimatan air perlu diterapkan di rumah mahupun pejabat. Antara contoh penjimatan air yang efisien ialah dengan mengumpul dan menggunakan air hujan untuk tujuan pengepaman tandas.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang memperkenalkan PRHI untuk meningkatkan kesedaran orang awam tentang isu berkaitan dengan sumber-sumber air. Semua pemilik bangunan komersial dan kediaman yang telah memasang sistem pengumpulan air hujan layak untuk memohon insentif ini. Peserta-peserta Program Sekolah Hijau Pulau Pinang juga layak untuk memohon insentif ini mulai tahun ini.

Hanya 10 pemohon berkeelayakan sahaja akan menerima insentif sebanyak RM500.

Pendaftaran PRHI dibuka sehingga Oktober 2018. Untuk permohonan, sila layari www.pgc.com.my/prhi.

(2) Insentif cabaran sisa makanan (FWCI)

Setiap hari sebanyak 1,750 tan sisa telah dihantar ke Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung. Sebanyak 40% daripada jumlah sisa ini merupakan sisa makanan dan keadaan ini sangat membimbangkan. Langkah-langkah pencegahan seperti pengkomposan sisa makanan untuk dijadikan baja kompos dapat mengurangkan jumlah sisa makanan yang dihantar ke tapak pelupusan sampah. Langkah ini bukan sahaja dapat meningkatkan jangka hayat tapak pelupusan sampah malah juga menangani isu perubahan iklim.

Objektif FWCI adalah untuk menggalakkan pemain industri utama untuk memainkan peranan mereka dalam pemuliharaan alam sekitar, terutamanya pengurangan dan pengalihan sisa makanan. FWCI ini terbuka kepada pihak kilang, hotel / resort dan institusi yang mempunyai sistem pengurusan sisa makanan. Permohonan dibuka sehingga Oktober 2018, di mana 10 pemohon yang berkeelayakan akan menerima insentif sebanyak RM1,000. Borang permohonan boleh dimuat turun di www.pgc.com.my/fwci.

(3) Projek Pejabat Hijau Pulau Pinang (PGO)

Malaysia telah menghasilkan sebanyak 8.0 metrik tan CO2 per kapita, iaitu 42.5% lebih tinggi daripada negara jiran kita, Thailand. Bagi mengurangkan penghasilan CO2, prinsip hijau harus diterapkan dalam setiap aspek kehidupan, terutamanya di persekitaran pejabat. Pensijilan PGO berfungsi sebagai alat penilaian untuk membantu pejabat menerima pakai prinsip-prinsip kelestarian, justeru menjimatkan air, tenaga dan memelihara alam sekitar. Di samping itu, pemohon dari sektor kerajaan dan swasta juga dapat memohon untuk "pensijilan 2 dalam 1 - iaitu

Pensijilan Projek Pejabat Hijau Pulau Pinang dan Pensijilan Aqua Save dari Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang. Pemohon yang berkeelayakan berpeluang untuk menerima insentif sehingga RM5,000 apabila pensijilan semula dijalankan. Permohonan dibuka sehingga Ogos 2018. Untuk pendaftaran dan maklumat lanjut, sila layari [www.pgc.com](http://www.pgc.com.my/pgo).

Anugerah dan insentif adalah salah satu tunggak utama dalam Penang Green Council.

Selain daripada itu, kami turut memberikan pengiktirafan kepada individu dan organisasi demi pencapaian kecemerlangan alam sekitar di Pulau Pinang. Anugerah seperti Anugerah Sekolah Hijau Pulau Pinang dan Anugerah Kewartawanan Hijau Pulau Pinang juga diberikan di bawah payung besar Anugerah Green Pinang Pulau Pinang.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Ahmad Uzeir di 04-2503322 atau e-mel uzeirmurshid@pgc.com.my.

Adakah anda memasang
Sistem Pengumpulan
Air Hujan?

Daftar sekarang dan
berpeluang menerima
RM500*

*terhad kepada 10 pendaftar berkeelayakan sahaja

04 250 3322

016 517 7382

uzeirmurshid@pgc.com.my

www.pgc.com.my/prhi



Kerajaan Negeri salur dana RM1 juta bangun e-sukan

GEORGE TOWN – Kerajaan Negeri Pulau Pinang menyalurkan dana sebanyak RM1 juta melalui Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) dalam usaha membangunkan e-sukan di negeri ini.

Mantan Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng berharap pembangunan sukan baharu tersebut dilihat perlu agar ia seiring dengan perkembangan Revolusi Industri 4.0.

Malah, menurut beliau, Kerajaan Negeri sentiasa menitikberatkan perkembangan Revolusi Industri 4.0 sama ada melalui inisiatif STEM (sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik) mahupun aktiviti kesukanan.

“Sebab itulah kita (Kerajaan Negeri) sanggup mengeluarkan dana sebanyak ini (RM1 juta) untuk pembangunan e-sukan, dan jumlah ini adalah sebahagian daripada RM76 juta dana yang dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri ke arah Revolusi Industri 4.0.

“Saya berharap, pembangunan e-sukan ini mampu memupuk dan menyemai minat generasi muda dalam perkembangan teknologi,” ujarnya pada Majlis Perasmian Pertandingan E-Sukan yang julung kali dianjurkan oleh PYDC di sini baru-baru ini.

Hadir sama Exco Kesihatan, Pertanian & Industri Asas Tani & Pembangunan Luar Bandar, Dr. Afif Bahardin; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng dan Ketua Pegawai Eksekutif PYDC, Teng Kok Liang.




SALAH seorang pengunjung mencuba permainan e-sukan pada Majlis Perasmian Pertandingan E-Sukan di sini baru-baru ini.

23 UNIT RUMAH TERES 2 TINGKAT

HAKMILIK KEKAL
DISKAUN 5% UNTUK BUMIPUTERA



TAMAN DUTA EMAS TERES 23 Bukit Mertajam



JAYAMAS
PROPERTY GROUP

Sales Gallery:
Lot. 1598, Seksyen 3, Jalan Muthu Palaniappan, 14000 Bandar Bukit Mertajam, Penang
T +6012 414 1661 F +604 537 7036

Corporate Office:
No. 22 (Tingkat Satu) & 23 (Tingkat Satu), Sunway Wellesley @ Precint 1,
Jalan Muthu Palaniappan, 14000 Bandar Bukit Mertajam, Penang
T +6016 523 6036 F +604 548 4038
W www.jayamasproperty.com E sales@jayamasproperty.com

NO. LESEN PEMAJU : 13386-2/07-2018/0585(L) (TEMPOH SAH: 28/07/2016 – 27/07/2018)
NO. PERMIT IKLAN & JUALAN : 13386-2/07-2018/0585(P) (TEMPOH SAH: 28/07/2016 – 27/07/2018)
NO. RUJUKAN : MPSP/40/20-54/4 · JENIS PEGANGAN TANAH : HAKMILIK KEKAL
GADAIAN TANAH : CIMB BANK BERHAD · TARIKH DIJANGKA SIAP : DISEMBER 2017
3 UNIT RUMAH TERES 2 TINGKAT (JENIS A) (KELUASAN LANTAI: 2190 kps
HARGA JUALAN : RM 669,800.00(min) – RM 793,800.00(maks)
11 UNIT RUMAH TERES 2 TINGKAT (JENIS B) (KELUASAN LANTAI: 1970 kps
HARGA JUALAN : RM 608,800.00(min) – RM 765,000.00(maks)
9 UNIT RUMAH TERES 2 TINGKAT (JENIS C) (KELUASAN LANTAI: 1970 kps
HARGA JUALAN : RM 588,000.00(min) – RM 736,500.00(maks)

Masyarakat harmoni, progresif mampu jadikan Pulau Pinang bersifat antarabangsa

GEORGE TOWN - Pembinaan Pusat Harmoni adalah penting bagi menunjukkan sikap toleransi dalam kalangan rakyat serta keharmonian yang wujud di negeri ini, kata mantan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Beliau berkata, hanya masyarakat yang harmoni dan progresif sahaja mampu menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri yang bersifat antarabangsa.

"Di mana lagi di dunia ini kita boleh temui Jalan Harmoni, yang mana empat bangunan agama atau kuil utama hanya beberapa meter antara satu sama lain di sepanjang jalan sepanjang 800 meter (m).

"Jarak dekat antara tempat-tempat ibadat ini menggambarkan pelbagai etnik berbilang budaya dan agama di negeri ini yang hidup bersama dalam suasana harmoni," katanya ketika merasmikan pelancaran projek pembinaan Pusat Harmoni di sini baru-baru ini.

Difahamkan rumah ibadat yang dibina di sepanjang Jalan Harmoni antaranya ialah Kuil Dewi Mercy (Cina), Masjid Kapitan Keling (Islam), Kuil Sri Mariamman, Jalan Mengkuang (Hindu) dan Gereja St. George (Kristian).

Turut berucap, Exco Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa



MANTAN Ketua Menteri memerhatikan pelan-pelan pembinaan Pusat Harmoni pada majlis pelancarannya di sini baru-baru ini.

dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo.

Hadir sama, Dato' Abdul Malik Abul Kassim (mantan Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri & Hal Ehwal Pengguna); Lim Hock Seng (mantan Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan); Law Heng Kiang (mantan Exco Pembangunan Pelancongan); Phee Boon Poh (Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar); Datuk

Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Ar. Yew Tung Seang dan Ahli-ahli Majlis bagi MBPP.

Mengulas lanjut, Guan Eng berkata, nama Jalan Harmoni adalah amat sesuai kerana ia bukan sahaja menjadi laluan utama di George Town, malah juga lokasi untuk masyarakat berkumpul, bekerja, bermain serta berdoa dengan aman.

"Pusat Harmoni akan menjadi tempat

untuk kegiatan agama dan acara-acara masyarakat bukan Islam. Acara-acara ini boleh berupa senaman yoga, sesi meditasi, seni serta muzik, ceramah agama, seminar, konvensyen dan pertemuan.

"Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM3 juta untuk membaik pulih dan memperluaskan bangunan ini dan ia dijangka akan mula dibuka pada Februari 2019.

"Kerajaan Negeri Pulau Pinang berjanji untuk memastikan kebebasan beragama dapat ditegakkan seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan, dan kami telah membuktikannya melalui komitmen kami sejak 2008," jelasnya.

Empat fungsi utama Pusat Harmoni tersebut adalah sebagai tempat untuk pembelajaran, pentadbiran, majlis dan mesyuarat serta seminar.

Aktiviti-aktiviti tersebut akan diadakan di dalam rumah banglo seluas 4,300 kaki persegi yang terdiri daripada ruang pejabat, ruangan majlis, ruang makan dan bilik persidangan.

Sebuah dewan komuniti baru berukuran 2,800 kaki persegi juga akan dibina bersebelahan banglo untuk menampung program yang lebih besar.

TAMAN SERI IPIL

NIBONG TEBAL, SEBERANG PERAI SELATAN

Hakmilik Kekal

5 % Diskaun untuk Bumiputera




RUMAH TERES SATU TINGKAT

Jumlah Unit : 48
 Harga Jualan : RM 318,888.00 (min)
 RM 386,848.00 (mak)
 Keluasan Tanah : 1690 kps (min) 3014 kps (mak)
 Keluasan Binaan : 22'X 47'



RUMAH TERES 1 1/2 TINGKAT

Jumlah Unit : 37
 Harga Jualan : RM 388,888.00 (min)
 RM 562,328.00 (mak)
 Keluasan Tanah : 1690 kps (min) 5651 kps (mak)
 Keluasan Binaan : 22' x 47'



PELAN LOKASI

Pembeli-pembeli Bumiputera yang berminat sila hubungi:
 Bahagian Perumahan
 Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri
 Paras 20, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang
 Tel: 04-6505 242/6505 244 • Fax: 04-2622 904

Pemaju

Vibrant Elite Sdn Bhd (731352-H)

No. 7132-7135, Tingkat 1, Jalan Bagan Jermal, Taman Bintang, 12100 Butterworth

Tel: **04-3328759, 3236911** Fax: **04-3334469**

No Lesen Pemaju Perumahan: 14447-1/08-2018/0598(L) • Tempoh sah: 3/8/2016 hingga 2/8/2018
 No Permit Iklan dan Jualan: 14447-1/08-2018/0598(P) • Tempoh Sah: 3/8/2016 hingga 2/8/2018
 Pelan Bangunan Diluluskan oleh: Majlis Perbandaran Seberang Perai
 • No Rujukan Pelan Bangunan: MPSP/40/20-71/17 • Tarikh Dijangka Siap: Disember 2018
 • Jenis Hakmilik: Kekal • Bebanan Tanah: Malayan Banking Berhad
 Sekatan Kepentingan: Tiada

‘Ladang Mini Strawberi’ di Sungai Dua, syor projek perintis dipuji

Teks & Gambar :
ZAINULFAQAR YAACOB

PERKEMBANGAN dalam bidang bioteknologi pertanian kini membolehkan anak pokok strawberi yang lazim hidup di kawasan tanah tinggi bersuhu sejuk, boleh diladangkan di lokasi tanah rendah, termasuk sekitar Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Sungai Dua.

Mengulas lanjut, mantan Pegawai Penyelaras KADUN (PKK) Sungai Dua, Yusri Isahak, 48, mencadangkan Kerajaan Negeri pada masa depan mempertimbang pelaksanaan projek perintis ‘Ladang Mini Strawberi’.

“Di kawasan tanah rendah seperti Beris (dekat Sik, Kedah) telah ada ladang mini strawberi, kini bukan sahaja berbuah, bahkan menjadi salah satu kawasan untuk aktiviti eko-pelancongan.

“Penganjuran program ini bertujuan mendidik komuniti, khususnya golongan wanita untuk laksana projek perintis berkaitan di halaman rumah masing-masing, supaya kawasan ini

boleh dibangunkan sebagai salah satu destinasi eko-pelancongan negeri pada masa depan,” ujarnya pada Majlis Pelancaran Taman Kehijauan & Projek Perintis Tanam Strawberi Dalam Halaman Rumah di Dewan Permatang Tok Jaya di sini baru-baru ini.

Pada kesempatan sama, Yusri turut merakamkan penghargaan kepada mantan Timbalan Ketua Menteri I, Dato’ Mohd. Rashid Hasnon kerana menyokong penganjuran projek perintis tersebut.

Difahamkan, sejumlah 60 anak pokok strawberi telah diagihkan kepada kira-kira 30 pelatih yang menyertai klinik peladangan mini pokok strawberi berkenaan.


“Dalam fasa satu ini, sejumlah 60 pokok telah diberikan kepada pelatih, di bawah bimbingan seorang usahawan yang memang ada ladang mini strawberi di Teluk Ipil (dekat Nibong Tebal) iaitu Tuan Abdul Halim Mohammad (berusia 57).

“Selepas ini, baucar untuk mendapat baki 40 pokok lagi akan kita agih kepada pelatih dalam projek perintis ini,” jelasnya.

Tambah Yusri, Pusat Khidmat PPK Sungai Dua pada masa hadapan berhasrat melaksanakan beberapa lagi Program Keusahawanan Komuniti seperti klinik tanam orkid dan peladangan madu kelulut, demi memperkuasakan daya keusahawanan tempatan.

Ketika merasmikan majlis itu, Mohd. Rashid yang juga mantan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak memberitahu bahawa Kerajaan Negeri hari ini sangat cakna dengan perjuangan usahawan tani termasuk daripada kalangan wanita.

Sebagai bukti, menurutnya, sehingga kini Tabung Usahawan Tani Muda (TUTM) telahpun meluluskan skim pinjaman mikro kredit tanpa riba kepada 91 penerima termasuk usahawan tani wanita



YUSRI Isahak.



MOHD. Rashid Hasnon (tiga dari kanan) menyampaikan anak-anak pokok strawberi kepada para peserta bersempena Majlis Pelancaran Taman Kehijauan & Projek Perintis Tanam Strawberi Dalam Halaman Rumah di sini baru-baru ini.

muda.

“Tabung Usahawan Muda dahulu tawar maksimum pinjaman RM5,000 sahaja kepada usahawan di bawah umur 40 tahun.

“Kerajaan Negeri hari ini begitu cakna usahawan dalam bidang industri asas tani, kita buat penjenamaan semula dari TUTM kepada ‘Tabung Usahawan Tani’ untuk usahawan sehingga usia 60 tahun layak memohon pinjaman mikro kredit ini, bagi yang berusia di bawah 40 tahun pula layak pinjam maksimum RM6,000,” jelas Mohd. Rashid.

Beliau dalam pada itu turut memuji cadangan Yusri untuk membangunkan potensi komuniti setempat dengan projek perintis peladangan mini strawberi.

“Semua kejayaan yang ada hari ini mesti bermula dengan idea, kajian lanjut dan projek perintis juga, seperti yang dicadangkan oleh Encik Yusri ini.

“Kalau berjaya, sektor eko-pelancongan ini tentu akan menarik pengunjung, tapi dengan syarat komuniti di sini ambil bahagian, selepas program ini saya lulus peruntukannya sebelum Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang dibubarkan pada 10 April 2018,” jelasnya.

Pegawai Penerangan Bahagian Kerajaan Negeri Pejabat Ketua Menteri, Zahar Zainul; Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Fadzil Abdullah serta Datuk Jasmin Mohamed (mantan Penyelaras Kawasan Parlimen Tasek Gelugor) merupakan antara pemimpin Pakatan Harapan yang turut berucap pada majlis rasmi tersebut.



KEADAAN pokok strawberi yang ditanam.



RUPA bentuk buah strawberi yang sedia untuk dipetik.

MPSP - NAHRIM meterai MoU perkukuh kerjasama bangun pelan induk sumber air

SEBERANG JAYA - Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) memeterai memorandum persefahaman (MoU) dengan Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM) bagi mengukuhkan jalinan kerjasama dalam membangunkan pelan induk berkait bidang sumber air.

MoU berkenaan ditandatangani Ketua Pengarah NAHRIM, Datuk Ir. Dr. Azuhan Mohamed bagi pihak kerajaan Malaysia dan Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Sr. Rozali Mohamad mewakili Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Rozali ketika ditemui berkata, kerjasama itu adalah di bawah pelaksanaan pendekatan perkongsian pintar melalui konsep 7Ps iaitu *people, public, private, philanthropy, philosopher* dan *planet partnership* untuk memastikan kelestarian sumber air di negeri ini.

"Ini merupakan kali pertama MPSP menandatangani MoU dengan NAHRIM, dan saya berpendirian bahawa ia bukanlah awalan kerjasama antara dua organisasi NAHRIM dan MPSP, tetapi lebih kepada sebagai pembuka jalan serta pendorong untuk meningkatkan jaringan yang lebih jauh ke arah meremajakan sungai dan mengekalkan habitat kehidupan di sekitar lembangan sungai," ucapnya pada majlis berkenaan.

Turut hadir, Pengarah Pusat Kajian Lembangan Sungai NAHRIM, Datuk Profesor Dr. Nasehir Khan E.M. Yahaya dan barisan Ahli Majlis bagi MPSP.

Dalam pada itu, Rozali menjelaskan, antara skop kerjasama yang akan dijalankan adalah meliputi penggunaan fasiliti atau instrumen bertaraf dunia, kolaborasi penyelidikan, perundingan

dan khidmat nasihat serta pemindahan teknologi dan latihan.

Tambahnya, program Penyelidikan Pengurusan Kualiti Air, Sekuriti dan Kelestariannya turut akan dilaksanakan melalui MoU tersebut yang bertujuan untuk membangunkan pengurusan dan pembangunan lembangan sungai.

"Kita (MPSP) akan membantu pihak NAHRIM dalam menyediakan data projek untuk melengkapkan penyediaan pelan induk yang mana hasilnya akan digunakan oleh MPSP dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sebagai rujukan.

"Pelan induk ini akan membantu MPSP dan pihak berkepentingan dalam merancang, mengurus pembangunan secara bersepadu serta menangani masalah banjir dan sistem perairan.

"Diharapkan dengan termeterainya MoU ini, ia akan merancakkan lagi bidang-bidang kerjasama antara kedua-dua organisasi demi kesejahteraan hidup rakyat," jelasnya.

Sementara itu, Azuhan memaklumkan bahawa kos yang diperuntukan untuk penyediaan pelan induk berkaitan adalah sebanyak RM2.35 juta bagi tujuan penyelidikan di tiga lembangan sungai di Pulau Pinang iaitu Sungai Batu Feringghi, Sungai Junjung dan Sungai Juru.

"Penyelidikan ini akan membantu MPSP dalam merancang dan menguruskan pembangunan secara bersepadu yang akan menjamin kuantiti dan kualiti sumber air di Seberang Perai.

"Jaminan bekalan air ini akan meningkatkan kesihatan awam dan memastikan pembangunan sosio-ekonomi dapat berjalan dengan lancar," katanya pada sidang media selepas majlis menandatangani MoU berkenaan.

Diskaun 90% ke atas taska, pusat jagaan tanpa lesen menerusi program pemutihan

SEBERANG JAYA - Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) bakal melaksanakan langkah pemutihan terhadap Taman Asuhan Kanak-Kanak (Taska) dan Pusat Jagaan yang beroperasi tanpa lesen, sehingga 14 September ini.

Yang di-Pertuanya, Dato' Sr. Rozali Mohamad memberitahu, MPSP akan meluluskan 90 peratus diskaun ke atas kos bayaran infrastruktur untuk tukar guna dari bangunan kediaman kepada taska dan pusat jagaan.

"Langkah pemutihan ini adalah membolehkan bayaran daripada RM3.75 untuk sekaki persegi diturunkan kepada 37 sen sahaja.

"Ia adalah untuk menggalak serta memudahkan para pengusaha mendapatkan kelulusan daripada pihak berkuasa tempatan (PBT) dan seterusnya memastikan premis-premis tersebut memenuhi syarat-syarat teknikal, keselamatan dan kebersihan," jelasnya dalam sidang media dekat Kompleks Ibu Pejabat MPSP dekat Bandar Perda di sini baru-baru ini.

Menurut Rozali, program pemutihan itu dilancarkan sejak 15 September 2017 dan sehingga kini MPSP baru menerima tiga permohonan sahaja dari daerah Seberang Perai Tengah (SPT).

"Berdasarkan maklumat dari tahun 2016 hingga Mac 2018, terdapat 33 taska dan 44 pusat jagaan kanak-kanak yang tidak berlesen di seluruh kawasan MPSP," jelasnya.

Selepas berakhirnya program pemutihan ini kelak, Rozali menyatakan bahawa MPSP akan melaksanakan langkah penguatkuasaan secara berperingkat ke atas taska serta pusat jagaan yang telahpun dikenal pasti.

Takwim Ramadan

BERBUKA PUASA, IMSAK & SOLAT NEGERI PULAU PINANG 1439H

RAMADAN	MEI	HARI	IMSAK	SUBUH	SYURUK <small>(Waktu Terbi Mahal)</small>	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
1	17	Khamis	5:33	5:43	7:02	1:17	4:39	7:27	8:41
2	18	Jumaat	5:32	5:42	7:02	1:17	4:40	7:28	8:42
3	19	Sabtu	5:32	5:42	7:02	1:17	4:40	7:28	8:42
4	20	Ahad	5:32	5:42	7:02	1:17	4:40	7:28	8:42
5	21	Isnin	5:32	5:42	7:02	1:17	4:40	7:28	8:42
6	22	Selasa	5:32	5:42	7:02	1:18	4:41	7:28	8:43
7	23	Rabu	5:32	5:42	7:02	1:18	4:41	7:28	8:43
8	24	Khamis	5:32	5:42	7:02	1:18	4:41	7:29	8:43
9	25	Jumaat	5:32	5:42	7:02	1:18	4:42	7:29	8:43
10	26	Sabtu	5:31	5:41	7:02	1:18	4:42	7:29	8:44
11	27	Ahad	5:31	5:41	7:02	1:18	4:42	7:29	8:44
12	28	Isnin	5:31	5:41	7:02	1:18	4:42	7:29	8:44
13	29	Selasa	5:31	5:41	7:02	1:18	4:43	7:29	8:45
14	30	Rabu	5:31	5:41	7:02	1:18	4:43	7:30	8:45
15	31	Khamis	5:31	5:41	7:03	1:18	4:43	7:30	8:45
16	JUN	Jumaat	5:31	5:41	7:03	1:19	4:44	7:30	8:45
17	2	Sabtu	5:31	5:41	7:03	1:19	4:44	7:30	8:46
18	3	Ahad	5:31	5:41	7:03	1:19	4:44	7:31	8:46
19	4	Isnin	5:31	5:41	7:03	1:19	4:45	7:31	8:46
20	5	Selasa	5:31	5:41	7:03	1:19	4:45	7:31	8:47
21	6	Rabu	5:31	5:41	7:03	1:19	4:45	7:31	8:47
22	7	Khamis	5:32	5:42	7:03	1:20	4:45	7:31	8:47
23	8	Jumaat	5:32	5:42	7:03	1:20	4:46	7:32	8:48
24	9	Sabtu	5:32	5:42	7:04	1:20	4:46	7:32	8:48
25	10	Ahad	5:32	5:42	7:04	1:20	4:46	7:32	8:48
26	11	Isnin	5:32	5:42	7:04	1:20	4:46	7:32	8:48
27	12	Selasa	5:32	5:42	7:04	1:21	4:47	7:33	8:49
28	13	Rabu	5:32	5:42	7:04	1:21	4:47	7:33	8:49
29	14	Khamis	5:32	5:42	7:05	1:21	4:47	7:33	8:49

Firman Allah SWT:
"Bulan Ramadan yang padanya diturunkan Al-Quran menjadi petunjuk bagi sekalian manusia dan menjadi keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk, dan perbezaan (antara yang benar dan yang salah). Oleh itu, sesiapa di antara kamu yang menyaksikan anak bulan Ramadan maka hendaklah ia berpuasa dan sesiapa yang sakit atau dalam musafir (atau ia bertukar) maka (wajib baginya berpuasa) sebanyak hari yang ditinggalkan itu pada hari-hari yang lain. Allah mengkehendaki kemudahan bagimu, dan tidak menghendaki kesukaran bagimu. Dan supaya kamu cukuplah bilangan puasa (sebulan Ramadan) dan supaya kamu membesarkan Allah kerana mendapat petunjuk-Nya, dan supaya kamu bersyukur."

(Surah al-Baqarah: ayat 185)

Bagi kawasan Bukit Bendera:
Kurangkan 3 minit pada waktu Syuruk dan ditambahkan 3 minit pada waktu Maghrib.

Awal Waktu Dhuha: Tambah 27 minit daripada waktu Syuruk

1 Ramadan * = 17 Mei (* - Tertakluk pada pengisytiharan Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja Malaysia) 17 Ramadan * = 2 Jun (Hari Nuzul Al-Quran) 29 Ramadan ** = 14 Jun (** - Tarikh molihat Hita Syawal)

Diterbitkan oleh:
Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang
Tingkat 4B, KOMTAR,
10000 Pulau Pinang
Tel: 04-263 2975
Faks: 04-263 2985
Laman web: <http://mufti.perang.gov.my>

Projek pembinaan guna 30% kuasa solar layak dapat sijil keputusan Kebenaran Merancang MPSP serta-merta

SEBERANG JAYA - Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) bakal memberi sijil keputusan permohonan Kebenaran Merancang (CI) secara serta-merta sejourus diluluskan dalam mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) pada hari sama, berbanding proses penyampaian kelulusan sebelum ini yang memakan masa minimum kira-kira enam bulan.

Yang di-Pertua MPSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud memberitahu, kelulusan serta-merta itu adalah melibatkan empat jenis pemajuan iaitu kediaman sesebuah; industri sesebuah atau berkembang dalam zon perindustrian sedia ada; pusat mencuci kereta secara manual dan hotel bajet.

Ke arah menjadikan Seberang Perai sebagai 'Bandar Rendah Karbon', tambah beliau, projek kemajuan melibatkan penggunaan tenaga yang diperbaharui seperti kuasa solar turut akan diberikan keutamaan untuk mendapat sijil kelulusan serta-merta berwajib itu.

"Langkah mempercepat proses penyampaian keputusan permohonan Kebenaran Merancang kepada pemohon adalah demi merancakkan lagi projek pembangunan terutama dalam sektor pembinaan.

"Kerana, di Pulau Pinang khususnya



SR. Rozali Mohamud (berkopi) pada sidang media di sini baru-baru ini.

Seberang Perai, kita tiada sumber mentah seperti minyak, getah, kelapa sawit dan sebagainya, kebergantungan ekonomi adalah pada sektor pembinaan sama ada projek industri (kilang), perumahan atau komersial.

"Dengan mempercepatkan proses kelulusan pelan serta sijil (permohonan) kebenaran merancang ini, mereka (pemohon) juga dapat menjimatkan tempoh projek pembinaan dan

menjimatkan 'holding cost' yang sepatutnya ditanggung oleh pemohon projek (pemajuan)," jelas Rozali selepas Mesyuarat OSC di Kompleks Ibu Pejabat MPSP dekat Bandar Perda di sini baru-baru ini.

Difahamkan, sijil kelulusan Kebenaran Merancang adalah penting kerana pemaju dibenarkan mengemukakan pelan bangunan, pelan kerja tanah, pelan landskap, pelan lampu jalan, pelan jalan & parit serta pelan

pecah sempadan kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk urusan selanjutnya.

Selain itu, sijil kelulusan Kebenaran Merancang juga penting kerana pemaju layak memohon pinjaman daripada bank serta institusi kewangan berwajib bagi satu-satu projek pembinaan.

"Dengan MPSP mempercepatkan proses ini, 'holding cost' atau kos yang sepatutnya ditanggung oleh pemaju sebelum projek pembinaan dimulakan juga, dapat diijimatkan (oleh pemaju).

"Katakanlah pemaju buat pinjaman bank untuk proses RM20 juta, antara kos yang mesti ditanggung dalam setahun adalah 10 peratus 'holding cost' (bersamaan) RM2 juta, kerana tidak dapat melaksanakan pembangunan.

"Dengan MPSP mempercepatkan proses penyampaian keputusan permohonan Kebenaran Merancang ini, katakan pemaju dapat menjimatkan masa enam bulan, maka (sekaligus) mereka dapat menjimatkan RM1 juta berbanding (RM2 juta) 'holding cost' interest yang sepatutnya dibayar kepada bank," ujarnya.

Pada sidang media sama, Rozali turut menyerahkan sijil keputusan permohonan Kebenaran Merancang kepada tiga pihak secara serta-merta, sejourus diluluskan dalam mesyuarat OSC sebelum itu.



Menawan Perasaan.
Dikelilingi Keindahan Taman Penuh Kemewahan & Ketenangan.

Keluasan Rumah • 2,155 kps – 3,795 kps | Keluasan Tanah • 2,885 kps – 8,148 kps

- Keistimewaan yang tiada tandingan -
30 butik kediaman berkembar yang
terakhir di Setia Pearl Island, Sungai Ara.

Alami suasana kediaman moden serta kontemporari di komuniti terkawal yang mantap dalam kejiranan Setia Pearl Island. Perumahan Isle Of Palm yang bertema tropikal dan mewah ini berciri rumah berkembar 3 tingkat yang dikelilingi ketenangan abadi serta dilingkungi kemudahan awam yang lengkap dan tiada tandingan.

Hanya 30 buah rumah eksklusif dengan pilihan sebanyak 17 jenis reka bentuk unik sahaja yang tinggal untuk direbut. Tapak permainan dan taman landskap yang meriangkan juga turut disediakan.

5% Diskaun Bumiputera

Tarikh Dijangka Siap: Ogos 2018

Hubungi kami : 604 641 2255

www.spsetia.com

SETIA PROMENADE SDN BHD (388384-W)
Setia Welcome Centre, SPICE, No. 108, Jalan Tun Dr.Awang, 11900 Pulau Pinang.
F 604 642 2255 E spi-sales@spsetia.com.my

livelearnworkplay Malaysia | Vietnam | Australia | Singapore | China | United Kingdom

Setia

Setia Promenade Sdn Bhd • Isle of Palm: Rumah Berkembar 3 Tingkat • No Lesen Pemaju: 10244-19/08-2018/0621(L) • Tempoh Sah: 09 Ogos 2016 – 08 Ogos 2018 • No Permit Iklan dan Jualan: 10244-19/08-2018/0621(P) • Tempoh Sah: 09 Ogos 2016 – 08 Ogos 2018 • Hak Milik Tanah: Hak Milik Kekal • Tarikh Dijangka Siap: Ogos 2018 • Pelan Bangunan Diluluskan Oleh: Majlis Perbandaran Pulau Pinang • No Rujukan: MPPP/OSC/PB(7354)/14(LB), MPPP/OSC/PB(7355)/14(LB), MPPP/OSC/PB(7415)/14(LB) • Bebanan Tanah: Tiada • Harga: Minima RM2,506,320.00 Maksima RM3,730,130.00 • Jumlah Unit: 30 Unit • Jumlah Baki Unit: 21 Unit • Tempat Letak Kereta: NIL

Bina kemahiran pengekodan generasi muda melalui pembelajaran digital



CHOW Kon Yeow (berkemeja putih) memerhatikan salah seorang pelajar menggunakan perisian komputer yang disediakan selepas Majlis Pelancaran Program Pembelajaran Digital Bagi KADUN Padang Kota di sini baru-baru.

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

GEORGE TOWN – Proses pembelajaran dalam kalangan generasi muda terutamanya pelajar sekolah tidak seharusnya tertumpu kepada ilmiah semata, malah perlu dikembangkan kepada pengetahuan sains dan teknologi kini.

Mengulas lanjut, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota yang juga merupakan Ketua Menteri Pulau Pinang yang baharu dilantik, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, setiap pelajar boleh memperluaskan kebolehan masing-masing seperti mempelajari ilmu pengekodan yang merupakan kemahiran asas yang mampu mendorong ke arah mereka bentuk aplikasi dalaman komputer itu sendiri.

“Kerajaan Negeri menubuhkan *Penang Digital Library* (PDL) sebagai galakan kepada generasi muda menggunakan kemudahan era digital.

“PDL ini adalah platform untuk menyediakan satu masa depan gemilang untuk anak-anak Pulau Pinang terutamanya dalam bidang STEM (Sains, Kejuruteraan, Bahasa Inggeris dan Matematik).

“Kita (Kerajaan Negeri) tidak mahu anak-anak ini hanya sekadar menjadi pengguna teknologi sahaja, sebaliknya kita (Kerajaan Negeri) ingin sediakan mereka dengan kemahiran serta minat untuk mereka bentuk aplikasi dalamannya seperti laman web, perisian dan sebagainya,” ujarnya yang juga merupakan mantan Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir.

Beliau berkata demikian ketika hadir menyempurnakan Majlis Pelancaran Program Pembelajaran Digital Bagi Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Padang Kota dekat PDL di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Pengurus Besar Unit Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI), S. Barathi dan Pengerusi Eksekutif Teleport Technologies Sdn. Bhd., Kee Chong Wei.

Difahamkan, KADUN Padang Kota merupakan kawasan keempat yang menyediakan kelas pengekodan secara percuma kepada pelajar-pelajar peringkat rendah dan menengah selepas (KADUN) Datuk Keramat, Batu Lancang dan Air Putih.

UNIVERSITI PILIHAN



AMBILAN MEI KINI DIBUKA

Selasa - Ahad, 9.00pg 4.00ptg

Dapatkan Rebat Tambahan **RM100**

#belajardahulubayarkemudian

RM3 JUTA
BIASISWA

PJJ / Tutorial @Hujung Minggu 3 kali setiap semester

Bahasa Pengantar B.Melayu & B.Ingggeris

Pengajian Diploma, Sarjana Muda, Sarjana

Kemasukan menggunakan pengalaman kerja diterima

Tawaran-tawaran lain:

- | | | |
|--|--|--|
| 1
PERCUMA Guru Kafa & Guru PASTI
Yuran pengajian semester pertama | 2
Diskaun 30%
Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak | 3
PERCUMA APEL
Pengecualian yuran ujian Rm370 |
| 4
Warga emas dan OKU
Diskaun 50% keseluruhan yuran pengajian | 5
Diskaun 10%
program-program lain | 6
Diskaun Alumni
5% diskaun keseluruhan yuran pengajian |

*Tertakluk terma dan syarat

BIDANG PENGAJIAN

PENGURUSAN DAN PERNIAGAAN

- Perakaunan
- Pengurusan
- Pentadbiran Perniagaan
- Pengurusan Sumber Manusia

SAINS GUNAAN

- Kejururawatan
- Teknologi Maklumat
- Pengurusan Pembuatan
- Pengurusan Risiko Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
- Rekabentuk Pengajaran dan Teknologi

PENDIDIKAN DAN SAINS SOSIAL

- TESL
- Psikologi
- Pendidikan
- Komunikasi
- Kaunseling
- Pengajian Islam
- Pengajian Inggeris
- Pendidikan Awal Kanak-kanak
- Pengajaran - Pendidikan Rendah

Kemudahan kewangan:



Mampu



Mudah



Fleksibel

UNTUK PERTANYAAN DAN PENDAFTARAN, SILA HUBUNGI: PUSAT PEMBELAJARAN SEBERANG JAYA

KEMASUKAN TAHUNAN JAN/MEI/SEPT

04-390 2006 / 3006 013-317 3006

oumpenang@oum.edu.my
www.oum.edu.my



Basmi aedes, JKKK Taman Sempadan anjur gotong-royong berkala

AIR PUTIH – Atas kesedaran tinggi terhadap ancaman bahaya demam denggi, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Taman Sempadan bersama-sama penduduknya telah mengadakan gotong-royong berkala sebagai inisiatif membasmi pembiakan nyamuk aedes di kawasan sekitar di sini.

Pengerusi JKKK Taman Sempadan, R. Kaliyappan berkata, program tersebut dijalankan secara berkala bagi memupuk kesedaran masyarakat setempat supaya mengamalkan cara hidup sihat dengan menjaga kebersihan sebagai membendung penularan wabak berkenaan.

“Atas kesedaran itu, kami (JKKK) bakal mengadakan gotong-royong ini secara berkala demi kesihatan serta keselamatan semua,” ujarnya yang turut mengetuai Gotong-Royong Pembasmian Nyamuk Aedes di persekitaran Pangsapuri Taman Boundary di sini baru-baru ini.

Turut hadir, bekas Ahli-ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) yang kini merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Hitam, Joseph Ng Soon Siang dan ADUN Sri Delima, Syerleena Abdul Rashid.

Seramai 100 umum terdiri daripada ahli-ahli JKKK Taman Sempadan, penduduk setempat dan kakitangan MBPP turut sama menjayakan program tersebut.



SEBAHAGIAN peserta yang mengambil bahagian dalam penganjuran program, Gotong-Royong Pembasmian Nyamuk Aedes di sini baru-baru ini.

BANDAR CASSIA, BATU KAWAN

Hijau
E-KOMUNITI

HARGA JUALAN
RM 168,000 -
RM 220,000

KELUASAN RUMAH :
900 - 1000 kaki persegi

CCC diperolehi

04 - 613 9999
04 - 505 0001

KINI ANDA MAMPU

www.pmm.gov.my

dua
RESIDENSI
TELUK KUMBAR

HARGA JUALAN
RM 250,000 -
RM 300,000

KELUASAN RUMAH :
850 - 1000 kaki persegi

JIRAN
RESIDENSI KAMPUNG JAWA BUTTERWORTH

HARGA JUALAN
RM 200,000 -
RM 250,000

KELUASAN RUMAH :
850 - 1000 kaki persegi

Kini dibuka kepada orang ramai.*

* Tertakluk kepada syarat-syarat.

Dua Residensi - Pemaju: Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang | No. Lesen Pemaju Perumahan: 8924-5/10-2018/0803(L) | Tempoh Sah: 18/10/2016 - 17/10/2018 | No. Permit Iklan & Jualan: 8924-5/10-2018/0803(P) | Tempoh Sah: 18/10/2016 - 17/10/2018 | Nama Pihak Berkuasa yang Meluluskan Pelan Bangunan: Majlis Bandaraya Pulau Pinang | Nombor Rujukan Pelan Bangunan: MPPP/OSC/PB(6163)/13(LB) | Pajak Negeri: 99 Tahun (Tarikh Tamat Pajak: 18/12/2115) | Tarikh Dijangka Siap: Disember 2018 | Bebanan: Tiada | Jumlah Unit: 694 unit | Harga Jualan: RM72,500 (Min) - RM330,000 (Maks)

Jiran Residensi - Pemaju: Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang | No. Lesen Pemaju Perumahan: 8924-6/11-2019/0964(L) | Tempoh Sah: 18/11/2017 - 17/11/2019 | No. Permit Iklan & Jualan: 8924-6/11-2019/0964(P) | Tempoh Sah: 18/11/2017 - 17/11/2019 | Nama Pihak Berkuasa yang Meluluskan Pelan Bangunan: Majlis Perbandaran Seberang Perai | Nombor Rujukan Pelan Bangunan: MPPP/40/20-24/38 | Pajak Negeri: 99 Tahun (Tarikh Tamat Pajak: 23/11/2115) | Tarikh Dijangka Siap: Mac 2018 | Bebanan: Tiada Jumlah Unit: 707 unit | Harga Jualan: RM72,500 (Min) - RM250,000 (Maks)

- Sekatan Kepentingan: Tanah yang diberitahu ini tidak boleh dipindah milik, dicagar, pajak atau pajakan kecil atau dengan apa-apa urusan sekalipun diuruskan tanpa kebenaran bertulis daripada Pihak Berkuasa Negeri.
- Huraian ciri-ciri di dalam ini adalah cadangan sahaja serta semua ilustrasi dan gambar adalah gambar an artis sahaja dan adalah tertakluk kepada perubahan sebagaimana yang dianggap sesuai oleh pihak pemaju atau sebagaimana yang dinasihatkan oleh pakar-perunding atau diperlukan oleh pihak berkuasa.
- Sila rujuk kepada Surat Perjanjian Jual Beli bagi unit sebenar untuk mendapatkan spesifikasi dan penerangan yang telah diluluskan oleh pihak berkuasa dan unit sebenar akan dibina dengan sewajarnya.



Bas CAT Nibong Tebal, Balik Pulau kini beroperasi



CHOW Kon Yeow (tiga dari kanan) bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri pada Majlis Pelancaran Bas CAT Nibong Tebal di sini baru-baru ini.

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
 Gambar: **DARWINA MOHD. DAUD & NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

PULAU BETONG – Pelbagai inisiatif penambahbaikan sistem pengangkutan awam telah dilakukan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Mantan Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir yang kini merupakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, selepas Bas Percuma *Congestion Alleviation Transport* (CAT) dilancarkan membabitkan kawaasan Air Itam dan Bukit Mertajam, turut mula beroperasi adalah laluan bagi Nibong Tebal serta Balik Pulau.

“Inisiatif ini adalah merupakan usaha Kerajaan Negeri dalam memperkasakan pengangkutan awam di negeri ini secara berterusan.

“Bas CAT Balik Pulau yang bermula secara rasmi hari ini (13 April) dari jam 6 pagi sehingga 11:45 malam secara percubaan.

“Bas yang beroperasi secara konsep pusingan *loop*

tersebut akan melalui lokasi-lokasi strategik Balik Pulau seperti Kompleks Sukan Balik Pulau, pekan Balik Pulau, Kompleks Mahkamah, Masjid Daerah Barat Daya, sekolah-sekolah dan lain-lain dengan kekerapan 30 minit,” katanya pada majlis pelancaran bagi laluan Balik Pulau di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, menurut Kon Yeow, dengan kekerapan 30 minit, Bas CAT Nibong Tebal akan melalui kawasan-kawasan penting sekitar seperti hab Nibong Tebal, Stesen Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) Nibong Tebal, SMK Methodist, SMK Seri Nibong, Taman Pancur Mutiara, Taman Camar Jaya, Taman Bersatu / Seri Pancur dan Kolej Vokasional Nibong Tebal.

“Ini termasuk Klinik Kesihatan Bukit Panchor,




LALUAN bas CAT Nibong Tebal.

Jabatan Perpaduan Negara, SMK Tunku Abdul Rahman, Taman Ilmu Indah/ Taman Ilmu, SK/SMK Saujana Indah, Universiti Sains Malaysia (USM) dan MRSM Nibong Tebal.

Laluan yang dilalui oleh bas CAT Nibong Tebal adalah sejauh 14 kilometer (km) bermula dari 6 pagi hingga 10 malam,” jelasnya.



RUPA bentuk bas CAT ketika melalui salah satu laluan di Balik Pulau.



LALUAN bas CAT Balik Pulau.

Disiar oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang